


**FUNGSI SURAU DAN KEBERKESANANNYA DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM:
SATU KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
NEGERI SELANGOR**



OLEH:

**DR. AB. HALIM BIN TAMURI (KETUA PROJEK)
SHAHRIN BIN AWALUDDIN
PROF. MADYA DR. TAJUL ARIFFIN BIN NORDIN**

**LAPORAN PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK
GG06/2001
FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji fungsi surau di sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini adalah berbentuk exploratory research yang bertujuan untuk mencari maklumat tentang keadaan dan penggunaan surau-surau sekolah. Secara lebih terperinci, kajian adalah untuk meninjau tahap penggunaan surau-surau sekolah berdasarkan kepada persepsi pelajar-pelajar dan guru-guru; mengkaji tahap keperluan fizikal dan kemudahan prasarana surau-surau di sekolah; mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di surau-surau sekolah, mengenal pasti sama ada wujud perbezaan penggunaan surau dari aspek jantina, jenis sekolah, aliran akademik pelajar, tahap dan latar belakang pendidikan serta lokasi sekolah; mengkaji penglibatan warga sekolah di dalam aktiviti surau sekolah; dan untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan penggunaan surau sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Tiga jenis instrumen telah digunakan untuk kajian ini iaitu borang soal selidik pelajar, protokol temubual guru dan senarai semak surau. Kajian ini telah melibatkan 523 pelajar-pelajar tingkatan empat dan 14 orang guru-guru pendidikan Islam dari 17 buah sekolah-sekolah di negeri Selangor. 19 buah surau sekolah juga telah dikaji oleh penyelidik. Majoriti pelajar berpendapat aktiviti yang dijalankan di surau sekolah telah memberikan sumbangan yang positif terhadap pembangunan diri mereka khususnya dari aspek emosi, rohani dan intelektual serta dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian juga menunjukkan faktor jantina, lokasi sekolah dan juga pendidikan di sekolah rendah agama tidak memberi pengaruh yang signifikan. Faktor-faktor yang memberikan kesan yang signifikan ialah pengalaman tinggal di asrama, jenis sekolah dan juga aliran akademik. Didapati, pelajar-pelajar yang tinggal di asrama mempunyai persepsi yang lebih baik berbanding dengan rakan-rakan mereka yang tidak tinggal di asrama. Penglibatan dari pihak pelajar, guru-guru pendidikan Islam serta guru-guru dari bidang lain juga adalah amat baik. Umumnya, surau-surau sekolah telah dapat mengukuhkan aktiviti-aktiviti pengajaran pembelajaran dan memperkembangkan potensi kognitif, pembinaan sahsiah, kebolehan berinteraksi dan bersosial, amalan tingkah laku yang baik dan kesediaan untuk mempraktikkan ilmu dalam kehidupan seharian di kalangan pelajar.

ABSTRACT

The main aim of this study is to examine the role of school surau in the teaching and learning of Islamic education. This is an exploratory research to gain information regarding the condition and use of the school surau. Specifically, this study is to look at the use of surau based on the students' and teachers' perceptions; to examine the physical needs and infrastructure of the surau; to determine the differences between groups of several variables, i.e. gender, type of school, academic stream, level and educational background and school location; to examine the participation of school community in the surau's activities; and to determine the strengths and weaknesses of surau the process of teaching and learning of Islamic education. 3 types of instruments were used in this study i.e., student's questionnaire, teacher's interview protocol and observation check list. 523 fourth form students and 14 Islamic education teachers from 17 schools were involved in this study. 19 school suraus were also observed in this study. The majority of students said that the activities organized by school surau have significantly contributed to the self development particularly in the emotional, spiritual and intellectual aspects as well as to the process of teaching and learning of Islamic education. The study found that gender, school location and education in elementary religious school did not significantly contribute to the students' perception towards their school suraus. On the other hand, the experience of living in school hostel, type of school and academic stream had significant contributions. Moreover, the students who were staying in the school hostel had better perceptions compared to those who did not have such experience. The involvement of students, Islamic education teachers and teachers of other subjects in the school surau were also very good. Generally, the school surau have strengthened the process of teaching and learning of Islamic education as well as have developed the students' cognitive potential, character development, social interaction, good deeds and abilities in practicing the knowledge in their daily lives.

KANDUNGAN HALAMAN

		Muka Surat
BAB 1	PENGENALAN	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Definisi istilah	3
1.2.1	Surau	3
1.2.2	Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam	4
1.3	Penyataan masalah	4
1.4	Tujuan dan objektif kajian	5
1.5	Persoalan kajian	5
1.6	Kepentingan kajian	6
1.7	Batasan kajian	7
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	8
2.2	Fungsi surau dalam Islam	8
2.3	Konsep dan fungsi surau sekolah	10
2.4	Prasarana surau sekolah	14
2.5	Pentadbiran surau sekolah	16
2.6	Keberkesanan surau sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran	17
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	20
3.2	Rekabentuk kajian	20
3.3	Instrumen kajian	20
3.4	Kaedah persampelan	21
3.5	Jadual kerja	24
3.6	Kaedah pengumpulan data	25
3.7	Analisa data	26
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	28
4.2	Dapatan pemerhatian	28
4.2.1	Latar belakang surau sekolah	28
4.2.2	Kemudahan surau sekolah	29
4.2.3	Tahap kualiti fizikal surau sekolah	31
4.3	Dapatan soal selidik	34
4.3.1	Latar belakang responden	34
4.3.2	Surau dan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam	36
4.3.3	Penggunaan surau sekolah	45
4.3.4	Penglibatan warga sekolah di surau sekolah	47

4.4	Dapatan temubual	49
4.4.1	Latar belakang responden	49
4.4.2	Fungsi surau sekolah	50
BAB 5	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	
5.1	Pendahuluan	62
5.2	Ringkasan kajian	62
5.3	Perbincangan dapatan kajian	63
5.3.1	Tahap keperluan fizikal dan kemudahan prasarana surau-surau sekolah	63
5.3.2	Persepsi pelajar-pelajar dan guru-guru terhadap penggunaan surau sekolah	64
5.3.3	Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di surau-surau sekolah	66
5.3.4	Faktor yang mempengaruhi penggunaan surau sekolah	67
5.3.5	Penglibatan warga sekolah dalam aktiviti surau sekolah	69
5.3.6	Kekuatan dan kelemahan penggunaan surau sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam	70
5.4	Rumusan	72
5.5	Cadangan	74
	RUJUKAN	76
	LAMPIRAN	78

SENARAI JADUAL

JADUAL	Muka Surat
JADUAL 2.1 Model konsep keberkesanan surau-surau sekolah salam pengajaran dan pembelajaran	18
JADUAL 3.1 Contoh proses kaedah persampelan	22
JADUAL 3.2 Jumlah sampel kajian untuk borang soal selidik dan temubual	23
JADUAL 3.3 Jumlah surau sekolah yang dinilai	23
JADUAL 3.4 Perancangan tugas	24
JADUAL 3.5 Tahap-tahap pelaksanaan projek	25
JADUAL 4.1 Lokasi surau sekolah	29
JADUAL 4.2 Kemudahan-kemudahan surau sekolah	30
JADUAL 4.3 Penilaian tahap kualiti fizikal sekolah	32
JADUAL 4.4 Jenis sekolah	34
JADUAL 4.5 Lokasi sekolah	34
JADUAL 4.6 Aliran akademik pelajar	35
JADUAL 4.7 Fungsi surau dalam pembangunan pelajar	36
JADUAL 4.8 Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam	38
JADUAL 4.9 Perbandingan antara jantina	43
JADUAL 4.10 Perbandingan antara lokasi sekolah	43
JADUAL 4.11 Perbandingan antara pendidikan sekolah rendah agama	43

JADUAL 4.12 Perbandingan antara pengalaman tinggal di asrama	44
JADUAL 4.13 Kekerapan aktiviti-aktiviti surau sekolah	45
JADUAL 4.14 Aktiviti-aktiviti lain di surau-sarau sekolah	46
JADUAL 4.15 Kekerapan solat waktu secara berjamaah di surau sekolah	47
JADUAL 4.16 Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti surau sekolah	48
JADUAL 4.17 Latar belakang responden temubual	49

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Hubungan antara masjid dengan pendidikan dalam Islam amat sehati dan tidak boleh dipisahkan. Semenjak zaman permulaan Islam lagi penyebaran ilmu dan pendidikan bermula dari masjid., Namun begitu, sebelum wujudnya masjid, sistem pendidikan Islam telah bermula di rumah al-Arqam bin Abi Al-Arqam yang dikendalikan secara rahsia oleh Nabi Muhammad di Kota Mekah. Jumlah penuntut pada masa itu adalah dianggarkan sekitar 10-30 orang sahaja (Zawawi 1996). Di peringkat awal sistem Pendidikan Islam iaitu di era Makkiah, penumpuan pendidikan difokuskan dalam aspek pembangunan akidah serta pembinaan shahsiah yang berasaskan wahyu dari Allah swt. Rasulallah saw telah berjaya mendidik para sahabat menjadi insan yang unggul yang menjadi contoh sepanjang zaman. Namun begitu, apabila era pendidikan secara terbuka bermula, Rasulallah dan para sahabat telah mendapat cabaran baru dari kaum Quraish yang menentang dakwah Islamiah. Perubahan yang diperkenalkan oleh Rasulallah saw. bertentangan dengan keyakinan dan akidah majoriti penduduk Mekah pada masa tersebut yang akhirnya membawa penghijrahan Rasulallah ke Kota Yathrib (Madinah).

Sebelum tiba di Yathrib, Rasulallah saw telah membina sebuah masjid di Quba' dan baginda telah memulakan pengajaran Islam kepada masyarakat setempat di Masjid tersebut. Pembinaan Masjid Quba' oleh Rasulallah saw boleh dianggap sebagai asas awal kepada kewujudan institusi pendidikan dan ibadat kerana fungsi dan peranan sesebuah masjid adalah sangat penting di dalam masyarakat Islam. Kepentingan masjid juga boleh dilihat semasa di Yathrib dimana tindakan pertama oleh Rasulallah saw ialah membina masjid sebagai institusi pendidikan dan ibadah serta kemasyarakatan.

Semasa perkembangan keagungan Islam, bermula dari zaman Nabi Muhammad saw sehingga zaman khilafah Islamiah (Umayyah-USmaniah), telah banyak masjid telah

didirikan bagi tujuan pendidikan kepada masyarakat Islam di samping peranannya sebagai pusat ibadah, pentadbiran dan kemasyarakatan. Sistem pendidikan Islam telah menjadikan masjid sebagai pusat pendidikan yang utama, Contoh paling jelas ialah Universiti Al-Azhar iaitu universiti tertua dalam sistem pendidikan Islam yang berasaskan kepada pendidikan di masjid.

Keadaan yang sama juga wujud di Asia Tenggara dimana masjid telah menjadi pusat utama dalam sistem pendidikan Islam bagi masyarakat Islam setempat. Di samping itu, pengajian pendidikan Islam juga berlaku di rumah-rumah tok-tok guru di mana ibu bapa menghantar anak-anak mereka untuk mempelajari asas-asas Islam. Sistem ini semakin berkembang dan bilangan pelajar juga semakin bertambah. Keadaan ini menyebabkan masyarakat setempat mengambil usaha untuk mendirikan surau yang berhampiran dengan rumah tuan-tuan guru bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (Abdullah, 1989). Surau-surau ini menjadi pusat pengajian agama serta ibadah masyarakat setempat, dan di samping itu juga ianya menjadi pusat kemasyarakatan. Maka, surau atau musolla yang saiznya lebih kecil daripada masjid mempunyai hubungan yang sangat penting dengan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia.

Perkembangan dalam pendidikan Islam telah memberi kesedaran kepada keperluan pembinaan tempat bagi pelajar-pelajar menunaikan solat di waktu persekolahan. Hampir semua sekolah di Malaysia, khususnya sekolah-sekolah di bawah bantuan kerajaan, yang mempunyai pelajar-pelajar Islam mempunyai surau atau musolla mereka sendiri. Kemudahan surau ini membolehkan pelajar-pelajar menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang Islam di samping melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan di sekolah. Dengan perkataan lain, surau di sekolah bukan sahaja berfungsi sebagai tempat pelajar menunaikan kewajipan ibadat sembahyang, tetapi ia penting sebagai “Makmal Pendidikan Rohani” dalam pendidikan Islam sama ada dalam menjalankan aktiviti kurikulum atau ko-kurikulum. Fungsi surau di sekolah juga bolehlah diibaratkan seperti “makmal sains” iaitu tempat untuk latihan praktikal isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar di dalam bilik-bilik darjah.

Tambahan pula terdapat pelbagai aktiviti lain seperti majlis bacaan Yaasin, tadarus al-Quran, sambutan hari kebesaran Islam dan sebagainya yang dijalankan di surau pada sepanjang tahun. Surau di sekolah-sekolah adalah tempat yang paling tenteram, harmoni dan sesuai bagi pendidikan dan penyampaian ilmu agama ke arah membentuk sahsiah yang beriman, berilmu dan berakhlak mulia.

1.2 Definisi Istilah

1.2.1 Surau

Secara umumnya, menurut Abdullah (1989) surau adalah tempat ibadat yang lebih kecil daripada masjid dan tidak digunakan untuk sembahyang Jumaat dan ianya sering digunakan untuk belajar agama. Surau di sekolah pula telah didefinisikan oleh Kementerian Pendidikan (1989) sebagai tempat melaksanakan ibadat sembahyang dan menjalankan kegiatan amali pendidikan Islam untuk menanamkan semangat mencintai agama dan menghayati ajaran Islam serta ruh persaudaraan Islam di kalangan guru-guru dan murid-murid Islam.

Namun begitu, dalam tahun 1998, Kementerian Pendidikan telah memberikan definisi surau yang lebih terperinci. Dalam definisi yang diberikan, surau ialah “satu bangunan yang terpisah daripada bilik darjah dan terletak dalam kawasan sekolah, digunakan untuk bersembahyang dan kegiatan Pendidikan Islam oleh seluruh warga sekolah. Perbezaan dengan musolla pula adalah pada aspek pembinaan bangunan dimana musolla didefinisikan sebagai bilik sembayang yang dibina bersambung dengan bangunan sekolah”. Dapat difahami bahawa surau adalah bangunan tersendiri yang terpisah dengan bangunan sekolah dan digunakan guru-guru dan murid-murid untuk tujuan ibadah, pelaksanaan dan aktiviti-aktiviti Pendidikan Islam di sekolah. Definisi surau dalam kajian ini merangkumi juga tempat sembahyang /musolla kerana surau dan musolla mempunyai fungsi atau peranan yang sama di sesebuah sekolah. Ciri utama yang membezakan antara surau sekolah dan musolla sekolah ialah aspek pembinaannya. Surau sekolah dibina berasingan dari bangunan sekolah manakala musolla sekolah pula dibina secara bersambungan atau menjadi salah satu di bilik-bilik bangunan sesebuah sekolah.

1.2.2 Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam

Secara umumnya, pengajaran adalah proses penyampaian ilmu pengetahuan, latihan kemahiran, pembentukan sikap dan penerapan nilai-nilai mulia di dalam diri seseorang individu. Manakala pembelajaran pula adalah proses pembentukan tingkahlaku dan perkembangan diri disebabkan pengalaman atau latihan yang diperolehi dari pengajaran yang diberikan. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dalam kajian ini merujuk kepada Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Tingkatan I – V). Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KBSM ini juga merangkumi aktiviti formal dan informal, ko-kurikulum Pendidikan Islam dan juga sukatan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain yang ada di semua sekolah-sekolah menengah.

1.3 Penyataan Masalah

Kajian ini ingin melihat sejauh mana surau-surau di sekolah menengah digunakan secara optimum dalam pengajaran pembelajaran Pendidikan Islam. Setelah lebih satu dekad pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang menekankan antara lain konsep kesepaduan dan keseimbangan antara teori dan praktis, tidak ada lagi kajian mendalam yang dijalankan untuk meninjau keberkesanan penggunaan surau dalam Pendidikan Islam di sekolah-sekolah. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (1998) telah mengeluarkan garis panduan tentang pembinaan surau di sekolah rendah dan menengah supaya sesuai dengan keperluan pengajaran Pendidikan Islam. Walaupun tidak ada peruntukan khas pembiayaan pembinaan surau di sekolah, namun inisiatif dan kerjasama yang erat antara pihak sekolah, Persatuan Ibumama dan Guru (PIBG) dan masyarakat telah berjaya membina surau atau musolla di sekolah masing-masing.

Persoalannya kini ialah sejauhmanakah pihak sekolah dan guru-guru Pendidikan Islam khususnya mengetahui secara jelas tentang penggunaan surau secara efektif dalam menjalankan pengajaran pembelajaran Pendidikan Islam. Adakah surau hanya digunakan untuk aktiviti amali sembahyang semata-mata dan adakah wujud permasalahan lain

dalam memaksimumkan penggunaan surau ini di sekolah? Adakah surau-surau ini dapat memberikan sumbangan kepada penghayatan ajaran Islam dalam kehidupan seharian seperti solat berjamaah, solat pada waktunya, pembinaan akhlak dan adab? Apakah kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sistem pengurusan surau sekolah dan adakah keperluan fizikal surau-surau tersebut sesuai dengan keperluan pengajaran pembelajaran Pendidikan Islam?

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah untuk mengkaji kedudukan dan peranan surau-surau di sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini adalah berbentuk *exploratory research* yang bertujuan untuk mencari maklumat tentang keadaan dan penggunaan surau-surau sekolah. Di samping itu, kajian ini juga untuk melihat samada matlamat murni bagi menjadikan surau atau *musolla* di sekolah sebagai satu pusat pengajaran pembelajaran dan pembinaan sahsiah yang efektif dalam pembangunan pelajar yang berasaskan paradigma Tauhid dapat dicapai (Shahrin, Tajul dan rakan-rakan 2001). Sehubungan dengan itu, beberapa objektif telah ditetapkan iaitu:

- 1) Mengkaji tahap keperluan fizikal dan kemudahan prasarana surau-surau di sekolah.
- 2) Meninjau tahap penggunaan surau-surau sekolah berdasarkan kepada persepsi pelajar-pelajar dan guru-guru.
- 3) Mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di surau-surau sekolah
- 4) Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan penggunaan surau dari aspek jantina, jenis sekolah, aliran akademik pelajar, tahap dan latar belakang pendidikan serta lokasi sekolah.
- 5) Mengkaji penglibatan warga sekolah di dalam aktiviti surau sekolah
- 6) Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan penggunaan surau sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan cuba untuk menjawab beberapa persoalan utama berdasarkan kepada pandangan yang telah dikemukakan oleh pelajar-pelajar dan juga guru-guru. Beberapa persoalan kajian telah dikenalpasti bagi kajian ini iaitu:

- 1) Bagaimanakah tahap keperluan fizikal dan kemudahan prasarana surau-sarau di sekolah?
- 2) Apakah tahap penggunaan surau-sarau sekolah berdasarkan kepada persepsi pelajar-pelajar dan guru-guru?
- 3) Apakah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di surau-sarau sekolah?
- 4) Wujudkah perbezaan penggunaan surau dari aspek jantina, jenis sekolah, aliran akademik pelajar, tahap dan latar belakang pendidikan serta lokasi sekolah?.
- 5) Sejauhmanakah penglibatan warga sekolah di dalam aktiviti surau sekolah?
- 6) Apakah kekuatan dan kelemahan penggunaan surau sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada fungsi surau di sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor dan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kebanyakan sekolah menengah di Malaysia kini mempunyai kemudahan surau bagi tujuan ibadah dan pelaksanaan aktiviti keagamaan. Namun begitu, masih belum ada kajian yang dibuat tentang fungsi dan penggunaan surau di sekolah-sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran, pembinaan dan pembentukan sahsiah serta diri pelajar Muslim khususnya. Kajian akan memberi tumpuan kepada fungsi dan penggunaan surau yang efektif di sekolah, keperluan fizikal dan kemudahan prasarana yang ada di surau-sarau sekolah, tahap penggunaan surau-sarau sekolah dan juga beberapa aspek penting lain yang berkaitan dengan penggunaan surau-sarau sekolah.

Dapatan kajian yang akan diperolehi boleh dijadikan panduan atau asas kepada guru-guru pendidikan Islam, sekolah, jabatan pendidikan negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dapatan-dapatan kajian boleh dijadikan sebagai maklumat asas dalam mengkaji fungsi surau dan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dengan lebih meluas di seluruh negara. Berdasarkan dapatan kajian ini, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan juga dapat mengetahui tahap penggunaan surau-sarau sekolah dan tahap pengurusan surau-sarau ini boleh dipertingkatkan lagi. Berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan, pihak yang berkuasa juga boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dapat dikesan serta boleh memantapkan lagi kelebihan dan kekuatan yang telah wujud.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini berasaskan kepada beberapa batasan.

- i) Kajian akan mengkaji persepsi pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan guru-guru pendidikan Islam terhadap fungsi dan keberkesanan surau di sekolah mereka dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.
- ii) Kajian ini hanya akan memberikan tumpuan kepada surau di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja. Ianya tidak akan mengkaji fungsi surau-sarau sekolah rendah, sekolah-sekolah swasta dan sekolah menengah agama di bawah kelolaan kerajaan negeri.
- iii) Ianya akan dijalankan di beberapa buah sekolah menengah di negeri Selangor yang dipilih secara rawak dan keputusan yang diperolehi tidak boleh digeneralisasikan ke negeri-negeri lain.
- iv) Kajian ini tidak akan mengkaji surau-sarau masyarakat awam yang diurus dan ditadbir oleh masyarakat setempat.
- v) Peranan masjid-masjid awam juga tidak akan diberi tumpuan dalam kajian ini.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan beberapa aspek penting yang berkaitan dengan konsep surau serta fungsinya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam, khususnya di peringkat sekolah menengah. Bab ini juga akan menghurai status dan pentadbiran surau sekolah serta meninjau secara umum keadaan pasarana serta kemudahan fizikal yang ada di surau-surau sekolah menengah

2.2 Fungsi Surau Dalam Islam

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik, masih belum terdapat kajian yang dijalankan secara khusus oleh penyelidik-penyelidik di Malaysia tentang surau-surau yang di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Perbincangan dan kajian yang dijalankan lebih banyak tertumpu kepada pentadbiran dan pengurusan masjid serta surau awam dan mereka tidak memberi tumpuan kepada surau-surau yang ada di sekolah-sekolah. Lokman dan Musa (1996) telah membincangkan aspek-aspek penting dalam pengurusan masjid sebagai sebuah institusi yang penting di dalam masyarakat Islam. Di samping itu, terdapat beberapa rencana yang berkaitan dengan fungsi dan peranan masjid telah juga ditulis oleh beberapa tokoh politik dan akademik (Mohd Yusof dan Azhana 1997). Tajuddin (1998) pula telah menjalankan kajian terhadap peranan dan fungsi masjid sebagai pusat pembangunan kemasyarakatan. Lokman (2000) juga telah mencadangkan beberapa strategi dan langkah-langkah untuk mengimarahkan masjid. Walaupun perbincangan dan penyelidikan tentang surau kurang diberi tumpuan, kita masih boleh mengambil tentang fungsi dan peranan surau berasaskan perbincangan yang telah dibuat oleh ramai penyelidik dan penulis. Secara umumnya surau dan masjid mempunyai fungsi dan peranan yang hampir sama. Aspek utama yang membezakan

antara kedua-dua institusi inilah penggunaan untuk solat Jumaat dimana surau secara umumnya tidak diberi kebenaran untuk mendirikan solat Jumaat. Selain itu, jabatan-jabatan agama negeri juga telah mengkategorikan pentadbiran dan pengurusan surau di bawah bahagian pentadbiran dan pengurusan masjid.

Di peringkat awal perkembangan Islam, masjid merupakan pusat pendidikan utama yang memberikan ilmu-ilmu kepada masyarakat setempat. Pembinaan masjid di Quba' dan Madinah menunjukkan kepentingan masjid di dalam sistem pendidikan Islam yang diasaskan oleh Rasulullah saw. Sistem pendidikan ini terus berkembang dengan pesat terbinanya sekolah-sekolah, madrasah dan institut pengajian tinggi di zaman-zaman keagungan Islam. Perkembangan pendidikan Islam juga berlaku di Malaysia, dimana masjid telah menjadi pusat pendidikan yang penting bagi masyarakat Islam di negara ini. Di samping itu terdapat juga sistem pengajian di rumah tok-tok guru di mana pelajar-pelajar datang dan mengikuti pengajian guru-guru di rumah mereka. Namun begitu, jumlah pelajar yang meningkat menyebabkan masyarakat setempat mengambil inisiatif untuk mendirikan surau yang berfungsi sebagai pusat pendidikan kepada masyarakat setempat (Abdullah 1989). Surau telah menjadi pusat pendidikan yang penting khususnya dalam pendidikan agama. Surau-surau ini juga digunakan untuk menunaikan sembahyang lima waktu dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

Di kebanyakan negara-negara Islam, surau juga dikenali sebagai "musalla" atau "tempat solat". Namun begitu, musalla di Malaysia mempunyai fungsi yang agak berbeza dan lebih kecil dengan surau. Musolla umumnya hanya digunakan untuk menunaikan solat lima waktu dan ruang keluasannya agak kecil jika dibandingkan dengan surau. Kebanyakan bangunan surau mempunyai kawasan atau lapangan tersendiri dan ia terpisah dari bangunan lain. Musolla pula adalah "...sebuah bilik di dalam sesebuah bangunan pejabat atau pusat membeli belah yang digunakan secara khusus untuk menunaikan sembahyang sahaja (Tajuddin 1998).

Umumnya, surau awam mempunyai fungsi yang hampir sama dengan masjid tetapi ia tidak diberi kebenaran oleh pihak berkuasa untuk menunaikan solat Jumaat.

Peranan surau adalah amat penting di dalam kehidupan seharian masyarakat Islam di Malaysia dan ianya dapat diringkaskan seperti berikut:

- a) **Pusat pengajaran-pembelajaran** : surau digunakan oleh masyarakat setempat untuk mengadakan, ceramah, forum, kelas-kelas pengajian agama, kelas-kelas al-Quran dan kelas-kelas fardu ain
- b) **Pusat kemasyarakatan** : masyarakat setempat menggunakan surau sebagai tempat aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti kenduri kendara, sukan dan gotong-royong
- c) **Pusat pentadbiran masyarakat** : surau sering digunakan sebagai tempat untuk bermesyuarat dan menjalinkan hubungan sesama masyarakat setempat

Ketiga-tiga fungsi menjadikan surau sebagai pusat yang penting dalam sesebuah masyarakat Islam dan mampu untuk menjana kekuatan masyarakat jika sesebuah surau itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Ia boleh dianggap sebagai sebuah nukleus bagi masyarakat Islam.

2.3 Konsep Dan Fungsi Surau Sekolah

Di peringkat awal, pekeliling Kementerian Pelajaran 9hb September 1976 (Bil. 9A/1976) telah mengariskan beberapa langkah yang perlu diambil oleh pihak sekolah bagi menyediakan kemudahan tempat sembahyang bagi pelajar-pelajar Islam di sesebuah sekolah rendah atau menengah bantuan kerajaan. Sebelum pekeliling ini, pihak sekolah tidak dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kemudahan tempat sembahyang kepada pelajar-pelajar. Berdasarkan pekeliling ini, guru-guru besar perlu menyediakan tempat sembahyang jika jumlah murid-murid Islam sesebuah sekolah itu mencapai jumlah lima belas orang atau lebih. Pekeliling itu telah memberikan garis panduan serta tindakan yang perlu dilaksanakan oleh guru-guru besar iaitu:

1. (i) Bagi membolehkan murid-murid Islam berlatih sembahyang dan menunaikannya ketika tidak sempat di rumah, tiap-tiap gurubesar sekolah rendah dan menengah bantuan penuh yang berkenaan, atas budibicaranya dan tanpa melibatkan kewangan dari Kementerian Pelajaran, diminta berikhtiar memperuntukkan suatu tempat yang sesuai untuk dijadikan tempat sembahyang serta mengadakan kemudahan-kemudahan berkaitan dengannya. Tempat sembahyang ini boleh jadi bilik darjah atau dewan atau pun bangunan khas.

(ii) Sekiranya sekolah itu berhampiran dengan masjid atau surau, guru besar sekolah berkenaan bolehlah berunding dengan pihak berkuasa masjid atau surau itu untuk mendapat kebenaran menggunakannya bagi murid-murid sekolah untuk mengerjakan sembahyang

(iii) Sejauh mana yang boleh dipraktikkan, latihan sembahyang bagi murid-murid sekolah rendah hendaklah di atur sebegitu rupa supaya tiap-tiap murid beragama Islam benar-benar mahir mendirikan sembahyang dan bagi murid-murid sekolah menengah pula digalakkan mana-mana yang tidak sempat menunaikannya di rumah supaya bersembahyang di situ.

Berdasarkan pekeliling ini, pihak pengurusan sekolah perlu menyediakan tempat sembahyang atau musalla bagi membolehkan pelajar-pelajar menunaikan sembahyang khususnya solat zohor dan asar. Peranan tempat sembahyang sebagai pusat kegiatan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan sekolah tidak nyatakan secara jelas. Penumpuan latihan hanya diberikan di peringkat rendah manakala di peringkat menengah pelajar-pelajar hanya “digalakkan” untuk menunaikan di sekolah. Guru-guru besar juga perlu mencari sumber kewangan sendiri untuk membiayai surau-surau/tempat sembahyang di sekolah mereka dengan bantuan persatuan-persatuan ibubapa dan guru kerana tidak ada peruntukan khusus dari Kementerian Pelajaran yang boleh digunakan untuk pembinaan musalla atau surau sekolah.

Pembinaan tempat sembahyang sesebuah sekolah bergantung sepenuhnya kepada budibicara dan kesungguhan pentadbir sekolah dan sokongan dan persatuan ibubapa guru. Masalah kewangan adalah faktor utama yang menyebabkan kebanyakan surau-

surau sekolah berkeadaan tidak sempurna dan kurang sesuai untuk menampung jumlah guru dan pelajar, khususnya semasa menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan. Dalam tahun 1989, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) telah mengemukakan kertas kerja pembinaan/pembesaran surau-surau bagi sekolah menengah agama berasrama dan sekolah berasrama penuh Kementerian Pendidikan. Kertas kerja ini telah mencadangkan saiz surau bagi sekolah-sekolah tersebut serta keperluan-keperluan asas yang diperlukan bagi surau-surau tersebut. Namun begitu, kajian yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan mendapati terdapat banyak sekolah yang dibina sebelum RMK6 dan RMK7 yang masih belum mempunyai surau atau bilik sembahyang yang tetap serta sesuai untuk menjalankan kegiatan Pendidikan Islam selaras dengan matlamat dan objektif yang ditetapkan. Keperluan surau atau bilik sembahyang adalah amat penting kerana di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM, aspek penghayatan dan amali telah menjadi salah satu komponen utama di dalam pelaksanaannya. Berdasarkan tinjauan yang dibuat, kebanyakan sekolah-sekolah baru yang didirikan dalam tempoh satu dekad lalu tidak menghadapi masalah pembinaan surau atau tempat sembahyang kerana ianya telah dimasukkan dalam pelan asal dan termasuk dalam peruntukan pembinaan sesebuah sekolah baru. Pada masa kini, semua sekolah-sekolah menengah yang mempunyai pelajar-pelajar dan guru-guru Islam telah menyediakan kemudahan surau atau tempat sembahyang bagi memenuhi keperluan dan pelaksanaan pendidikan Islam.

Tujuan utama pembinaan surau sekolah adalah untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam serta meningkat penghayatan Islam di kalangan para pelajar. Kementerian Pendidikan (1989) telah menetapkan bahawa surau-surau sekolah bukan sahaja sebagai tempat pelajar untuk menunaikan sembahyang, tetapi lebih kepada untuk menjadi “Makmal Pendidikan Rohani”. Adalah diharapkan semua aktiviti yang berbentuk kurikulum dan ko-kurikulum dapat dilaksanakan di dalam surau sekolah bagi melaksanakan teori-teori yang diajar di dalam bilik darjah. Ia boleh digunakan sepanjang masa oleh parapelajar dan guru bagi aktiviti-aktiviti pendidikan Islam. Fungsi utamanya ialah sebagai “...tempat melaksanakan ibadat sembahyang dan menjalankan kegiatan amali pendidikan Islam untuk menanamkan semangat mencintai agama dan menghayati ajaran Islam serta membina ruh persaudaraan Islam di kalangan guru-guru dan murid-

murid Islam” (BPI 1989). Fungsinya ini dapat diuraikan dengan lebih terperinci seperti berikut:

- i) Tempat ibadat sembahyang untuk murid-murid, guru-guru dan kakitangan sekolah yang beragama Islam
- ii) Tempat mengadakan latihan amali mengenai ibadat seperti mengambil wuduk, sembahyang, mandi mayat, bersuci dan lain-lain ibadat fardu ain
- iii) Tempat latihan membaca al-Quran, bertadarus dan khatam al-Quran
- iv) Tempat syarahan, ceramah dan kuliag agama terutama selepas sembahyang Maghrib dan Subuh bagi sekolah-sekolah yang berasrama
- v) Tempat mengadakan majlis-majlis hari kebesaran Islam seperti majlis Maulid Nabi, Israk Mikraj dan lain-lain
- vi) Tempat sembahyang Jumaat jika diperlukan

Secara umumnya, dapatlah difahami bahawa surau mempunyai peranan yang amat besar dalam mencapai matlamat Pendidikan Islam untuk membentuk muslim yang berilmu, beriman, beramal salih dan berkeperibadian mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggung-jawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa. Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM, pelajar-pelajar dan guru-guru telah diperuntukkan 1 masa untuk amali dan 2 masa tambahan untuk memantapkan dan mengukuhkan penghayatan dan pengamalan Islam di kalangan para pelajar. Terdapat tiga program yang telah diatur iaitu Program sembahyang berjemaah Zohor dan Asar, Program Khusus al-Quran dan Program Budaya Ilmu. Program amali solat dan aktiviti-aktiviti lain yang telah dirancang ini lebih sesuai dan mudah untuk dilaksanakan di surau-sarau sekolah (BPI 1988). Di samping itu, kemudahan surau sekolah membolehkan guru-guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dengan lebih sempurna kerana terdapat beberapa aspek yang perlu dinilai lebih sesuai untuk dilaksanakan di surau-sarau sekolah seperti cara beristinja, membersihkan diri, pakaian dan tempat dari najis, berwuduk, bertayammum, azan, iqamah, solat fardu dan solat jenazah (KPM 1994).

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa surau sekolah mempunyai peranan yang sangat penting khususnya di dalam proses pengajaran dan pengajaran Pendidikan Islam. Ia dapat memantapkan dan mengukuhkan lagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di kalangan para pelajar. Surau-sarau ini juga boleh menjadi pusat aktiviti atau program keagamaan khususnya yang berkaitan dengan Pendidikan Islam. Selain itu, ianya boleh menjadi pusat kegiatan persatuan pelajar-pelajar dan pusat hubungan masyarakat sekolah (guru-guru dan pelajar-pelajar). Surau-sarau sekolah diharapkan menjadi pusat pendidikan dan penyampaian ilmu keagamaan bagi membentuk sahsiah pelajar Islam yang beriman, berilmu, berakhlak mulai dan sentiasa beramal salih.

2.4 Prasarana Surau Sekolah

Di peringkat awal, pihak Kementerian Pendidikan tidak mengeluarkan garis panduan untuk pembinaan surau atau tempat sembahyang sekolah dan ia tertakluk kepada budi bicara pengetua. Pekeliling Bil. 9A/1976 juga memberikan garis panduan pembinaan tempat sembahyang kepada pihak sekolah. Dalam tahun 1989, Bahagian Pendidikan Islam telah mencadang satu garis panduan bagi pembinaan surau-sarau sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah berasrama penuh. Surau-sarau yang hendak dibina perlu mempunyai ciri-ciri berikut:

- i) Surau seluas 5,000 kp (100 kaki X 50 kaki)
- ii) Mihrab 30 kp (5 kaki X 6 kaki)
- iii) 4 tangga di sebelah kanan dan 4 tangga di sebelah kiri bangunan surau, tiap-tiap satu selebar 10 kaki, dan satu tangga di sebelah belakang, selebar 15 kaki
- iv) Bangunan untuk kemudahan berwuduk dan buang air hendaklah dibina berasingan tetapi berhampiran penjuru sebelah belakang bangunan surau
 - a) sekolah tidak bercampur lelaki perempuan perlu mempunyai 15 tap mengambil wuduk, 8 tempat buang air kecil dan 2 tandas
 - b) Sekolah yang bercampur lelaki dan perempuan perlu mempunyai 10 tap mengambil wuduk, 5 tandas buang air kecil dan 1 tandas untuk pelajar

lelaki di samping satu bangunan lain yang mengandungi 5 tap, 3 tempat buang air kecil dan 1 tandas untuk pelajar perempuan.

Selain bangunan surau perlu dalam lengkungan pusat sekolah bagi kemudahan guru dan pelajar, di bina dari batu dan mempunyai lantai simen $1\frac{1}{2}$ kaki dari paras tanah, mempunyai dinding atau pintu “sliding”, tap yang sesuai bagi mengambil wuduk dan mempunyai kemudahan tirai bagi sekolah yang mempunyai pelajar lelaki dan perempuan.

Dalam tahun 1998, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan satu pekeliling ikhtisas Bil. 14/1998 berkenaan garis panduan pembinaan surau sekolah rendah dan menengah. Kementerian Pendidikan telah menetapkan bahawa pembinaan surau atau bilik sembahyang yang dibina untuk sekolah-sekolah menengah perlu mempunyai spesifikasi berikut:

- i) Sekolah yang mempunyai 12 hingga 18 bilik darjah, keluasan untuk bilik sembahyang ialah 90 meter persegi (4 petak = 7.5 meter panjang X 12 meter lebar)
- ii) Sekolah yang mempunyai 24 hingga 36 bilik darjah, keluasan untuk bilik sembahyang ialah 135 meter persegi (6 petak = 7.5 meter panjang X 18 meter lebar)
- iii) Keluasan bilik wuduk = 45 meter persegi (2 petak = 7.5 panjang X 6 meter lebar) dan dibahagi dua 1 bilik wuduk lelaki dan 1 bilik wuduk perempuan.

Namun begitu, pihak sekolah telah diberi kelonggaran untuk membina atau mengubah suai bilik sembahyang atau surau berdasarkan kebenaran dan kelulusan dari jabatan-jabatan pendidikan negeri. Bilik-bilik sembahyang dan surau-surau perlu dilengkapi dengan kabinet-kabinet atau rak-rak kayu bagi menyimpan keperluan-keperluan surau. Pihak sekolah juga boleh melengkapkan surau-surau dengan kemudahan-kemudahan dan peralatan lain yang diperlukan dan bersesuaian dengan perkembangan dan keperluan semasa dan aktiviti-aktiviti yang dirancang.

2.5 Pentadbiran Surau Sekolah

Kementerian Pendidikan pada awalnya tidak mempunyai peruntukan kewangan untuk pembinaan mana-mana surau atau bilik sembahyang di sekolah-sekolah. Ini dijelaskan dalam Pekililing 1976 yang menyatakan "... tiap-tiap gurubesar sekolah rendah dan menengah bantuan penuh yang berkenaan, atas budibicaranya dan tanpa melibatkan kewangan dari Kementerian Pelajaran, diminta berikhtiar meperuntukkan suatu tempat yang seseuai untuk dijadikan tempat sembahyang...". Selama beberapa dekad, pihak sekolah sendiri yang bertanggungjawab untuk mencari peruntukan kewangan bagi membina surau-surau ini dengan kerjasama dari PIBG sekolah berkenaan. Bagi tujuan itu, pihak sekolah telah dibenarkan untuk mengutip derma dari orang ramai dan orang persaorangan bagi tujuan itu.

Walau bagaimanapun, terdapat perubahan dasar dalam Kementerian Pendidikan dimana dalam Pekeliling 1998, pihak kementerian ada peruntukan kewangan untuk pembinaan bilik sembahyang sekolah. Sekolah-sekolah yang masih belum mempunyai kemudahan bilik sembahyang boleh mengemukakan permohonan bantuan kewangan kepada Bahagian Pembangunan Swasta dan Bekalan Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Namun begitu, pihak kementerian tidak mempunyai peruntukan untuk pembinaan surau sekolah. Sekolah-sekolah yang masih belum mempunyai kemudahan surau dibenarkan untuk memohon bantuan dari orang ramai untuk pembinaan surau mereka sendiri.

Sebelum pembinaan surau atau bilik sembahyang dimulakan, pihak kementerian telah menetapkan bahawa pihak sekolah perlu menegemukakan pelan surau dan mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Bandaran, Jabatan Kerjaraya, Jabatan Bomba dan pihak-pihak yang berkaitan. Dengan mengambil kira arah kiblat dan rekabentuk surau atau bilik sembahyang tersebut, lokasi bangunan tersebut perlu juga mendapat persetujuan dari pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri. Ini untuk memastikan bahawa ianya tidak akan mengganggu projek-projek pembangunan yang akan datang ke sekolah yang terlibat. Surau-surau tersebut perlul menepati pelan, rekabentuk

dan piawaian yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kerja Raya.

Setelah projek pembinaan surau siap, bangunan tersebut perlu diserahkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri atau pihak sekolah yang dipertanggungjawabkan dari segi penggunaan, pengawasan, penyeliaan dan penyelenggaraan. Walaupun pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah diberi kuasa untuk mengurus surau-surau mereka sendiri, mereka masih tertakluk kepada peraturan jabatan-jabatan agama Islam negeri dan perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dari masa ke semasa. Di peringkat sekolah pula, Panitia Pendidikan Islam adalah pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus, mentadbir dan menyelia bilik sembahyang dan suruh diberikan kepada dengan kerjasama dari guru-guru beragama Islam lain. Persatuan-persatuan pelajar seperti Persatuan Agama Islam, Puteri Islam dan kelab-kelab akan memberi bantuan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak Panitia Pendidikan Islam.


2.6 Keberkesanan Surau Sekolah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Keberkesanan fungsi surau sekolah dalam pengajaran pembelajaran akan dilihat daripada dua perspektif. Pertama, daripada perspektif keutamaan pendidikan dan kedua, daripada perspektif model-model pendidikan masa kini.

Keutamaan pendidikan menekankan pentingnya surau-surau di sekolah mengukuhkan aktiviti-aktiviti pengajaran pembelajaran dalam bentuk kurikulum, ko-kurikulum dan aktiviti kerohanian. Keberkesanan surau dalam pengajaran pembelajaran perlu memenuhi tiga peringkat asas dalam pengajaran pembelajaran iaitu pemahaman, penghayatan dan pengamalan cara hidup Islam dalam kehidupan seharian.

Disamping fungsi-fungsi di atas, surau-surau di sekolah perlu juga memenuhi keperluan model-model pengajaran pembelajaran yang menyentuh potensi kognitif,

pembinaan sahsiah, kebolehan berinteraksi dan bersosial, amalan tingkah laku yang baik dan kesediaan untuk mempraktikkan ilmu dalam kehidupan seharian. Konsep keberkesanan surau-surau sekolah daripada perspektif keutamaan pendidikan dan model-model pengajaran pembelajaran dapat difahami menerusi Jadual 2.1 berikut :



Jadual 2.1 Model Konsep Keberkesanan Surau-Surau Sekolah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Asas pengajaran pembelajaran adalah untuk menghasilkan perkaitan yang bermakna di antara matlamat pemahaman, penghayatan dan amalan prinsip dan cara hidup Islam dalam kehidupan seharian. Untuk menjayakan matlamat asas ini, surau-surau sekolah perlulah mengadakan aktiviti-aktiviti yang boleh membina dan mengembangkan

lingkaran potensi kognitif, sahsiah diri, amalan tingkah laku, interaksi sosial dan potensi mengaplikasi ilmu.

Sebagai contoh, surau-surau sekolah perlu berfungsi untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pengajaran pembelajaran yang boleh memenuhi persoalan-persoalan berikut:

- i) Memberi **kefahaman** yang tepat mengenai konsep dan tasawwur Pendidikan Islam
- ii) Membina keupayaan untuk menterjemahkan kefahaman tersebut dalam bentuk **penghayatan bersepadu**.
- iii) Menjelmakan pemahaman dan penghayatan tersebut ke dalam bentuk **amalan praktik** dalam **semua** aspek kehidupan.
- iv) Membina perkaitan di antara **amalan hidup** Islam dengan pembinaan dan **perkembangan kognitif** sihat.
- v) Mengenalpasti kesan **perkembangan kognitif** sihat ke dalam pembinaan **sahsiah diri** pelajar (akhlak dan adab).
- vi) Hubungan **sahsiah diri** yang baik dengan pemilihan dan amalan **tingkahlaku positif** dan baik.
- vii) Perkaitan di antara amalan **tingkahlaku positif** dengan keharmonian dalam **aktiviti bersosial**.
- viii) Kesan keharmonian **interaksi sosial** dalam menggalakkan **aplikasi ilmu** dengan keinginan yang tinggi untuk beribadah.

Dalam kajian ini instrumen akan difokuskan ke arah mencari jalan-jalan kepada persoalan-persoalan di atas dengan **TERAS** dan **LINGKARAN** potensi-potensi pendidikan seperti yang terdapat dalam Jadual 2.1.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan memberikan penjelasan tentang metodologi kajian yang merangkumi aspek jenis kajian, instrumen kajian, jadual kerja, kaedah persampelan, analisan data dan permasalahan kajian.

3.2 Rekabentuk kajian

Kajian ini adalah satu tinjauan (*survey*) berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk mengkaji fungsi surau atau mussolla dan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor. Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Bab 1 dan 2 sebelum ini, fungsi surau adalah amat penting bagi kehidupan seharian pelajar-pelajar Muslim amnya dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam KBSM khususnya.

3.3 Intrumen Kajian

Tiga bentuk instrumen akan dibina dan digunakan untuk kajian ini:

- a) ***Borang soal selidik*** : Satu set borang soalselidik akan dibina untuk kajian iaitu soal selidik untuk pelajar-pelajar
- b) ***Protokol Temubual*** : Satu set protokol temubual berstruktur akan dibina untuk guru-guru Pendidikan Islam
- c) ***Senarai Semak*** : Satu set borang laporan pemerhatian akan dibina untuk menilai dan merekodkan data-data keadaan fizikal surau atau musolla sekolah

Penggunaan ketiga-tiga instrumen ini juga adalah sebagai salah satu cara untuk memenuhi aspek triangulasi sesebuah kajian yang mengumpulkan data dengan menggunakan pelbagai alat penyelidikan.

Sebelum menjalankan penyelidikan sebenar, kesemua instrumen telah diuji (*pilot study*) kepada 20 orang pelajar tingkatan empat dan lima orang orang guru Pendidikan Islam di salah sebuah sekolah menengah yang terpilih di daerah Hulu Langat. Untuk tujuan penyelidikan ini, responden dalam ujian rintis ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian yang sebenar. Kajian rintis adalah satu usaha untuk meningkat dan memastikan bahawa instrumen-instrumen yang akan digunakan mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan.

Hasil dari kajian rintis yang dijalankan, kesemua responden telah memberikan maklum balas tentang borang soal selidik dan juga protokol temubual yang dibina. Secara keseluruhannya, instrumen yang dibina dapat difahami oleh mereka. Hasil semakan dan perbincangan yang telah dibuat, hanya terdapat beberapa kesalahan ejaan dan juga stuktur ayat yang perlu diperbaiki di dalam kedua-dua instrumen yang dibina. Dari ujian rintis yang dijalankan, didapati pelajar-pelajar hanya mengambil masa 20-30 minit untuk menjawab borang soal-selidik yang diberikan manakala untuk temubual pula, penyelidik telah mendapati proses temubual yang dijalankan hanya mengambil masa 15-25 minit sahaja. Ujian kebolehpercayaan yang dijalankan untuk borang soal selidik ini juga telah menunjukkan alpha yang tinggi iaitu 0.7583.


3.4 Kaedah Persampelan

Kajian ini telah melibatkan 523 pelajar-pelajar tingkatan empat dan 14 orang guru-guru pendidikan Islam dari beberapa buah sekolah-sekolah di negeri Selangor. Pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah *two-stage random sampling* yang menggabungkan *cluster sampling* dan *stratified random sampling* (Babbie 1986 dan Burns 2000).

Di peringkat awal, daerah-daerah di negeri Selangor akan dibahagikan kepada tiga zon, iaitu **Zon Utara** (Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor), **Zon Tengah** (Kelang, Petaling, Gombak) dan **Zon Selatan** (Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang). Sekolah-sekolah dari zon-zon tersebut akan pula dikelaskan kepada beberapa kumpulan utama iaitu sekolah menengah agama berasrama penuh, sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah menengah teknik dan sekolah menengah kebangsaan. Kajian ini hanya akan memberikan tumpuan kepada sekolah-sekolah menengah yang mempunyai pelajar yang beragama Islam dan mempunyai kemudahan surau atau musolla.

Sekurang-kurang 25 orang pelajar telah dipilih secara rawak dari setiap sekolah bagi menjawab borang soal selidik. Mereka yang dipilih terdiri daripada pelbagai aliran akademik iaitu sains tulen, agama, teknik, sastera, sub-sains dan vokasional. Disamping itu, untuk temubual pula, sekurang-kurang seorang orang guru akan dipilih oleh penyelidik dari sekolah yang dipilih. Jadual 3.1 berikut menunjukkan contoh proses persampelan yang dilakukan untuk kajian ini.

Jadual 3.1 Contoh Proses Kaedah Persampelan



Jadual 3.2 Jumlah sampel kajian untuk borang soal selidik dan temubual

<i>No.</i>	<i>Jenis sekolah</i>	<i>Jumlah pelajar</i>	<i>Jumlah guru</i>	<i>Jumlah sekolah</i>
1.	Sekolah menengah berasrama penuh (SMBP)	60	2	2 buah
2.	Sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA)	88	2	3 buah
3.	Sekolah menengah teknik (SMT)	94	3	3 buah
4.	Sekolah menengah kebangsaan (SMK)	281	7	9 buah

Selain itu, penyelidik juga telah menjalankan pemerhatian di semua surau-sarau sekolah yang telah terpilih. Namun, terdapat dua buah sekolah yang mempunyai dua buah surau sekolah yang berasingan. Jumlah keseluruhan surau sekolah yang telah dinilai oleh penyelidik ialah 19 buah.

Jadual 3.3 Jumlah surau sekolah yang dinilai

<i>No.</i>	<i>Jenis sekolah</i>	<i>Jumlah sekolah</i>
1.	Sekolah menengah berasrama penuh (SMBP)	2 buah
2.	Sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA)	4 buah
3.	Sekolah menengah teknik (SMT)	3 buah
4.	Sekolah menengah kebangsaan (SMK)	10 buah

3.5 Jadual Kerja


Kajian dijangka mengambil masa selama setahun bermula pada bulan November 2001 hingga Oktober 2002. Jadual perancangan kerja dari bulan ke bulan adalah seperti berikut:

Jadual 3.4 Perancangan Tugas

	2001					2002						
	N	D	J	F	M	A	M	J	J	A	S	O
Merancang projek, menjalankan tinjauan literature dan rekabentuk kajian												
Membina instrument kajian												
Kajian Rintis dan pemurnian instrumen												
Kerja lapangan												
Analisa Data												
Penulisan laporan												

Tahap-tahap pelaksanaan kajian boleh dapatlah diringkaskan seperti di dalam jadual berikut:

Jadual 3.5 Tahap-tahap pelaksanaan projek



3.6 Kaedah Pengumpulan Data

Penyelidik telah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Selangor sebelum proses dijalankan. Setelah mendapat kebenaran dari kedua-dua pihak berkenaan, penyelidik telah menulis surat dan menghubungi melalui telefon pihak sekolah yang terpilih dan memaklumkan tentang kajian yang akan dijalankan kepada mereka. Penyelidik telah mengadakan temujanji dengan pihak sekolah untuk melaksanakan kajian ini di sekolah mereka. Penyelidik telah mengadakan perbincangan dengan pihak pentadbir sekolah dan menerangkan tujuan, objektif dan kepentingan kajian ini dijalankan.

Setelah mendapat kebenaran, penyelidik mengumpulkan responden kajian di perpustakaan sekolah atau pun di surau sekolah. Proses pengumpulan data melalui borang selidik telah dilakukan oleh penyelidik sendiri dibantu oleh seorang pembantu penyelidik yang ditugaskan untuk mengumpul di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Mereka telah mentadbir dan mengedar borang-borang soal selidik kepada para pelajar di sekolah-sekolah yang terpilih dengan dibantu oleh guru pembantu yang telah dilantik. Di beberapa buah sekolah, penyelidik telah meninggalkan borang soal selidik kepada guru pembantu dan mengambil semula borang-borang soalselidik tersebut dalam tempoh dua minggu. Disamping itu juga, penyelidik telah menjalankan pemerhatian dan penilaian tentang keadaan fizikal surau-sarau sekolah yang terpilih dengan menggunakan instrumen yang telah dibina.

Penyelidik juga telah mengadakan temujanji dengan guru-guru Pendidikan Islam sebelum mengadakan temubual dengan mereka. Guru-guru yang terpilih telah diberikan satu set borang soal selidik sebelum proses temubual dijalankan bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas lanjut guru pendidikan Islam tentang fungsi surau di sekolah mereka. Penyelidik mencatatkan secara bertulis maklumat-maklumat yang diberikan oleh responden semasa temubual dijalankan. Selain itu, dengan kebenaran responden, penyelidik telah merakam temubual yang dijalankan. Ini adalah sebagai rekod simpanan atau sokongan jika terdapat sebarang masalah semasa proses menganalisa data kajian. Namun begitu, disebabkan kekangan masa dan kegagalan untuk mengadakan temujanji dengan guru-guru yang dipilih, penyelidik tidak dapat menjalankan proses temubual di tiga buah sekolah. Pada keseluruhannya, proses pengumpulan data telah berjalan dengan lancar dan mendapat kerjasama yang baik dari Jabatan Pendidikan Selangor, pelajar-pelajar, guru-guru dan pihak pentadbiran sekolah.

3.7 Analisa Data

Data-data yang diperolehi melalui kajian ini akan dianalisa dengan menggunakan program *SPSS for Windows (Version 11.0)*. Data-data dari borang soal selidik dan pemerhatian akan dianalisa dengan menggunakan statistik diskriptif seperti peratus dan

frekuensi terutama yang berkaitan dengan latarbelakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item atau pemboleh-pembolehubah kajian. Bagi semua pernyataan negatif, penyelidik telah mengkodkan semula data kepada skor positif bagi mendapatkan keputusan sebenar. Ujian inferensi seperti *T-Test* dan *ANOVA* juga digunakan untuk melihat perbezaan antara kumpulan dalam beberapa pemboleh-pembolehubah bebas. Selain itu, maklumat tambahan yang diperolehi melalui temubual dengan guru-guru pendidikan Islam akan dianalisa secara manual. Penyelidik telah menganalisa borang-borang temubual yang mempunyai catatan-catatan yang direkodkan semasa tembual. Untuk memastikan keesahan data, penyelidik merujuk kepada keset rakaman jika terdapat ketidakjelasan atau kekeliruan maklumat yang dicatatkan. Maklumat tersebut telah dianalisis dan dikumpulkan berasaskan kepada tema-tema yang sama.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Tujuan utama bab ini adalah untuk membentang dan membincangkan dapatan-dapatan yang diperolehi dari kerja lapangan yang dijalankan oleh penyelidik. Secara umumnya, pembentangan dapatan kajian dalam bab ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu dapatan-dapatan dari pemerhatian, soal selidik, dan juga temubual.

4.2 Dapatan Pemerhatian

Perbincangan dalam bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa sub-sub tajuk seperti berikut:

4.2.1 Latarbelakang surau sekolah

Kajian telah dilaksanakan di tujuh belas buah sekolah di negeri Selangor yang telah dipilih secara rawak. Namun, jumlah surau yang telah dinilai ialah sembilan belas buah kerana terdapat dua buah sekolah yang mempunyai dua buah surau, iaitu sebuah di SMK dan sebuah lagi di SMKA. Hasil dari maklumat yang diberikan, dua belas sekolah mempunyai pelajar kurang dari 1000 orang dan selebihnya pula mempunyai pelajar diantara 1,000 hingga 3,000 pelajar. Jadual 4.1 berikut menunjukkan kedudukan atau lokasi surau-sarau sekolah tersebut dimana kebanyakan surau sekolah terletak di tepi kawasan utama sekolah diikuti di tengah dan belakang kawasan utama sekolah. Terdapat dua buah surau yang berada dalam bangunan sekolah manakala setiap satu di kawasan asrama sekolah dan di hadapan kawasan utama sekolah

Jadual 4.1 Lokasi surau sekolah

Lokasi surau sekolah	Jumlah	Peratus
Di tengah-tengah kawasan utama sekolah	3	15.8%
Di belakang kawasan utama sekolah	3	15.8%
Dihadapan kawasan utama sekolah	1	5.3%
Di tepi kawasan utama sekolah	9	47.4%
Di dalam kawasan asrama sekolah	1	5.3%
Di dalam bangunan sekolah	2	10.5%

Enam belas surau (84.2%) dibina secara berasingan dengan bangunan sekolah, sebuah lagi pula adalah bilik darjah yang telah diubah suai menjadi musolla manakala dua buah surau lagi dibina bersambungan dengan bangunan sekolah. Lima belas buah surau (78.9%) adalah bangunan yang dibina dari batu sepenuhnya manakala empat buah surau lagi dibina daripada batu dan kayu. Tujuh buah sekolah (36.8%) tersebut dibina oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, lima buah surau sekolah (26.3%) telah dibina hasil bantuan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan derma orang ramai, manakala pembinaan tujuh buah surau lagi adalah hasil sumbangan pihak jabatan agama atau hasil dari sumbang dan derma dari orang ramai.

Dari aspek keluasan surau sekolah pula, dua buah sekolah mempunyai surau atau mussolla yang berukuran kurang dari 1,000 persegi, lapan buah surau (42.1%) mempunyai keluasan diantara 1001 hingga 3000 kaki persegi dan sembilan surau lagi (47.4%) mempunyai keluasan lebih dari 3001 kaki persegi. Lima buah surau (26.3%) yang dikaji agak kecil kerana hanya mempunyai keupayaan untuk menampung jemaah yang kurang dari 100 orang, enam buah surau (31.6%) boleh menampung 101-500 jemaah dan sembilan buah surau lagi (42.1%) boleh memuat jemaah yang berjumlah 501 orang keatas dalam satu-satu masa.

4.2.2 Kemudahan surau sekolah

Jadual 4.2 berikut akan menunjukkan kemudahan-kemudahan fizikal yang ada di sekolah-sekolah yang terlibat dalam penyelidikan ini. Penyelidik telah menjalankan penilaian di sembilan belas buah surau sekolah dan berikut adalah hasil pemerhatian yang dijalankan.

Jadual 4.2 Kemudahan-kemudahan surau sekolah

KEMUDAHAN SURAU	ADA
Mihrab	11
Mimbar	3
Tempat wuduk lelaki	18
Tempat wuduk perempuan	16
Tempat wuduk bersama	2
Tap air	18
Kolah	10
Perparitan	19
Tandas	10
Lampu	19
Kipas angin	18
Alat Pendingin Hawa	0
Lantai mozek/marmar	10
Tingkap	19
Pintu	19
Pagar	9
Pintu Pagar	8
Beranda	12
Pagar Beranda	11
Karpet	16
Sejadah	19
Rak Buku	18
Rak Kasut	9
Almari	17
Tabung Derma	5
Al-Quran	19
Buku-buku agama	19
Poster	19
PA sistem	15
Papan Kenyataan	19
Tirai Pemisah lelaki perempuan	15
Arah kiblat	9
Kemudahan Kain/Kopiah/Telekung	16
Setor Simpanan Barang surau	11
Jam dinding	17
Penunjuk waktu solat	11
Dapur	0
Ruang pejabat	7

Data di dalam jadual di atas secara umumnya telah menunjukkan bahawa kebanyakan surau-sarau yang dinilai mempunyai kemudahan fizikal seperti tempat wuduk untuk lelaki dan perempuan, tap air, sistem perparitan, lampu, kipas, tingkap, pintu, karpet atau lantai mozek, rak buku, almari, al-Quran, buku-buku agama, poster-poster Islam, papan kenyataan, jam dan juga penunjuk waktu solat. Walau begitu, terdapat juga surau-sarau yang tidak mempunyai kemudahan yang sama seperti mihrab dimana terdapat 8 buah surau yang tidak mempunyai mihrab. Selain itu, hanya 3 buah surau sahaja yang mempunyai mimbar. Pemerhatian yang dijalankan juga mendapati terdapat 9 buah surau yang tidak mempunyai kolah serta kemudahan tandas yang berhampiran dengan surau. Kesemua surau yang dikaji juga tidak dilengkapi dengan kemudahan alat pendingin hawa. Selain itu, penyelidik juga mendapati hanya 9 surau yang dikelilingi pagar dan satu darinya tidak mempunyai pintu yang sempurna. Terdapat 12 surau sekolah yang mempunyai beranda dan hampir kesemuanya mempunyai pintu yang sempurna. Dapatan juga menunjukkan terdapat 10 buah surau yang tidak menyediakan kemudahan rak kasut untuk para jemaahnya. Pemerhatian yang dijalankan juga menunjukkan hanya 5 buah surau yang menyediakan tabung derma kepada penggunaanya. Di samping terdapat empat buah sekolah yang tidak mempunyai alat pembesar suara dan tirai pemisah lelaki dan perempuan. 7 buah surau juga tidak mempunyai setor untuk menyimpan barang-barang kepunyaan surau. Kajian juga menunjukkan kebanyakan surau-sarau tersebut menyediakan kain, songkok dan juga telekong. Bagi kemudahan para jemaah, terdapat 11 buah surau yang mempunyai penunjuk waktu solat. Penyelidik juga mendapati kesemua surau-sarau sekolah tersebut tidak mempunyai kemudahan dapur untuk memasak. Hanya 7 buah surau yang menyediakan ruang pejabat kepada guru-guru dan juga pelajar-pelajar bagi menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan atau keagamaan di sekolah.

4.2.3 Tahap kualiti fizikal surau sekolah

Penyelidik juga telah menjalankan penilaian terhadap kualiti fizikal sekolah-sekolah tersebut. Jadual berikut menunjukkan hasil penilaian yang telah dibuat:

Jadual 4.3 Penilaian tahap kualiti fizikal surau sekolah

KEMUDAHAN- KEMUDAHAN SURAU	Tidak Memu- askan	Kurang Baik	Seder -hana	Baik	Sangat Baik	Tiada
Mihrab			1	8	2	8
Mimbar				2	1	16
Wuduk lelaki		1	2	15		1
Wuduk wanita		1	2	13		3
Wuduk bersama				2		17
Tap air	1		3	14		1
Kolah			2	8		9
Perparitan			4	15		
Tandas			5	4	1	9
Lampu		1	1	15	2	
Kipas angin		1	1	14	3	
Alat pendingin hawa						19
Lantai mozek			1	6	3	9
Tingkap			1	16	2	
Pintu	1			16	2	
Pagar			1	7		11
Pintu pagar			1	6		12
Beranda				10	2	7
Pagar beranda				9	2	8
Karpet			2	13	1	3
Sejadah			4	13	2	
Rak buku		1	2	14	1	1
Rak kasut		1	1	8		9
Almari		1	5	11	1	1
Tabung derma			1	1	3	14
Al-Quran				14	5	
Buku agama			2	15	2	
Poster		1	1	14	3	
Pembesar suara			2	12	1	4
Papan kenyataan			3	15	1	
Tirai pemisah			3	9	3	4
Arah kiblat			1	7	1	10
Susunan peralatan			8	10	1	
Setor			2	8	1	8
Kain/Telekung			5	12		2
Jam dinding				15	2	2
Pen waktu solat				11		8
Dapur						19
Ruang pejabat			1	6		12

Berdasarkan kepada jadual di atas, dapatan pemerhatian secara umumnya menunjukkan bahawa tahap keadaan fizikal surau-surau sekolah yang telah dinilai adalah agak memuaskan. Kebanyakan kemudahan-kemudahan fizikal yang ada di sembilan belas buah surau-surau didapati dalam keadaan baik dan berfungsi dengan sempurna. Hanya

terdapat beberapa buah surau sekolah yang mempunyai kemudahan fizikal yang dikategorikan oleh pengkaji sebagai amat baik.

Namun begitu, pengkaji mendapati beberapa kemudahan fizikal di beberapa buah surau telah dikategorikan sebagai sederhana. Sebagai contoh, 4 buah surau mempunyai sistem perparitan yang kurang sempurna. Malah, terdapat juga tandas di lima buah surau sekolah yang kurang sempurna. Selain itu, kemudahan sejadah di empat buah surau dan almari di lima buah surau telah juga dikategorikan sebagai sederhana. Begitu juga dengan kemudahan kain dan telekung di lima buah surau yang didapati kurang sempurna. Beberapa aspek-aspek fizikal lain yang telah dinilai sebagai sederhana ialah tempat wuduk lelaki (2 surau), tempat wuduk perempuan (2 surau), tap air (3 buah surau), kolah (2 surau), karpet (2 surau), rak buku (2 surau), rak buku (2 surau), buku-buku agama (2 surau), pembesar suara (2 surau), papan kenyataan (3 surau), tirai pemisah (3 surau), setor simpanan barang (2 surau). Pada keseluruhan penilaian yang telah dibuat, aspek susunan peralatan di dalam lapan buah surau telah dikategorikan oleh pengkaji sebagai sederhana manakala 10 buah lagi telah dikelaskan sebagai baik.

Malah, berdasarkan jadual diatas, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat juga beberapa surau yang mempunyai kemudahan fizikal yang tidak baik. Sebagai contoh, ada surau sekolah yang tidak mempunyai tap air dan pintu surau yang tidak sempurna. Disamping itu, ada juga surau sekolah yang mempunyai kemudahan kurang memuaskan seperti tempat wuduk lelaki dan perempuan, lampu dan kipas angin yang tidak berfungsi dengan sempurna, almari, rak buku dan rak kasut yang telah rosak dan juga poster yang tidak menarik.

4.3 Dapatan Soal Selidik

Bagi memudahkan perbincangan, bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa sub-topik seperti berikut.

4.3.1 Latar belakang responden

Kajian ini telah melibatkan seramai 523 pelajar dari beberapa buah sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia di negeri Selangor yang telah dipilih secara rawak berasaskan kepada kaedah persampelan *multi-stage cluster sampling*. Seramai 235 orang pelajar lelaki dan 287 pelajar perempuan telah terlibat dalam penyelidikan ini. Namun begitu, terdapat seorang responden yang tidak menyatakan status jantinya di dalam borang soal selidik yang diberikan. Dalam sub-topik ini, beberapa maklumat penting tentang latar belakang responden-responden yang terlibat dalam kajian ini akan dibentangkan oleh penyelidik. Jadual 4.1 di bawah menunjukkan 53.7% responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan harian, 18.0% dari sekolah menengah teknik, 11.5% dari sekolah menengah berasrama penuh dan 16.8% dari sekolah menengah kebangsaan agama.

Jadual 4.4 Jenis sekolah

Jenis sekolah	Jumlah	Peratusan
Sekolah menengah kebangsaan	281	53.7%
Sekolah menengah teknik	94	18.0%
Sekolah menengah berasrama penuh	60	11.5%
Sekolah menengah kebangsaan agama	88	16.8%

Jadual 4.2 pula menunjukkan 46.5% responden sedang belajar di sekolah di kawasan bandar manakala 53.5% pelajar pula belajar di sekolah yang terletak di kawasan luar bandar.

Jadual 4.5 Lokasi sekolah

Kawasan	Jumlah	Peratusan
Bandar	243	46.5%
Luar Bandar	280	53.5%

Dari sudut aliran akademik pula, responden yang dipilih sedang berada di dalam aliran akademik yang berbeza. Jadual 4.6 dibawah menunjukkan seramai 37.5% responden dari aliran sains tulen, 6.1% dari aliran agama, 10.7% dari aliran teknik, 25.4% dari aliran sastera, 11.3% dari aliran sub-sains (kejuruteraan dan arkitek) dan 7.3 dari aliran vokasional.

Jadual 4.6 Aliran akademik pelajar

Aliran	Jumlah	Peratusan
Sains tulen	196	37.5%
Agama	32	6.1%
Teknik	56	10.7%
Sastera	133	25.4%
Sub-sains	59	7.3%
Vokasioanal	38	7.3%

Selain dari itu, majoriti dari responden (85.5%) menyatakan mereka pernah belajar di sekolah agama semasa diperingkat sekolah rendah. Hanya 14.3% responden yang menyatakan mereka tidak pernah bersekolah agama diperingkat rendah. Terdapat dua orang pelajar yang tidak memberikan maklumat yang berkaitan. Seramai 276 pelajar (52.8%) tinggal di asrama sekolah manakala 247 (47.2%) orang lagi tidak tinggal bersama keluarga atau penjaga mereka. Dalam peperiksaan PMR pula, kesemua responden lulus dalam subjek Pendidikan Islam. Seramai 257 pelajar (49.1%) mendapat Gred A, 201 orang pelajar (38.4%) mendapat Gred B, 49 orang pelajar (9.4%) mendapat Gred C dan hanya 12 orang (2.3%) sahaja yang mendapat Gred D. Terdapat empat orang responden yang tidak memberikan maklumat keputusan mereka. Disamping itu, hampir kesemua responden iaitu 518 pelajar (99%) telah lulus ujian PAFA. Hanya dua orang sahaja yang gagal dan tiga orang lagi tidak memberikan maklumat yang berkaitan.

Maklumat-maklumat di atas menunjukkan latar belakang responde-responden kajian yang datang daripada berbagai-bagai kumpulan. Umumnya, pemilihan yang dilakukan secara rawak telah menghasil sampel kajian yang mempunyai berbagai-bagai latarbelakang sosio-budaya, sosio ekonomi dan juga pendidikan.

4.3.2 Surau dan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang terdahulu, surau adalah satu aspek yang penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di peringkat sekolah-sekolah. Di dalam sub-topik ini, dapatan-dapatan kajian yang berkaitan dengan fungsi surau dan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran akan dinyatakan oleh penyelidik. Dapatan kajian yang berkaitan dengan fungsi surau secara umum dan fungsinya terhadap pembangunan diri pelajar akan dinyatakan terlebih dahulu. Ini diikuti oleh perbincangan tentang persepsi pelajar tentang keberkesanan surau, khususnya aktiviti-aktiviti yang dijalankan, dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam.

Jadual 4.7 berikut menyatakan dapatan-dapatan yang berkaitan dengan fungsi umum surau dan pembangunan diri pelajar.

Jadual 4.7 Fungsi surau dalam pembangunan diri pelajar

<i>No</i>	<i>Item-item</i>	<i>STS</i>	<i>TS</i>	<i>TP</i>	<i>S</i>	<i>SS</i>	<i>MIN</i>
A1	Surau sekolah saya berfungsi membantu dalam aktiviti <u>pembelajaran</u> saya	8 1.5%	39 7.5%	118 22.6%	266 51.1%	90 17.3%	3.75
A2	Surau sekolah saya mengadakan aktiviti <u>ko-kurikulum</u> yang berfaedah	15 2.9%	43 8.3%	144 27.6%	233 44.7%	86 16.5%	3.63
A3	Surau sekolah saya berfungsi meningkatkan <u>amal ibadat</u> saya	1 .2%	6 1.1%	19 3.6%	173 33.1%	323 61.9%	4.55
A4	Aktiviti di surau sekolah telah meningkatkan kebolehan <u>berfikir</u> saya	9 1.7%	30 5.8%	172 33.1%	230 44.2%	79 15.2%	3.65
A5	Aktiviti di surau sekolah telah meningkatkan kestabilan <u>emosi</u> saya	6 1.1%	19 3.6%	111 21.3%	251 48.1%	135 25.9%	3.93
A6	Aktiviti di surau sekolah telah meningkatkan kekuatan <u>rohani</u> saya	5 1.0%	14 2.7%	90 17.3%	235 45.2%	176 33.8%	4.08
A7	Aktiviti di surau sekolah telah meningkatkan kecergasan <u>jasmani</u> saya	20 3.8%	65 12.5%	231 44.3%	162 31.1%	43 8.3%	3.27

Item A1 satu menunjukkan, sebahagian besar pelajar bersetuju dengan fungsi surau yang membantu pelajar dalam aktiviti pembelajaran dimana 68.4% pelajar telah bersetuju

dengan kenyataan yang diberikan. Di samping itu juga, 61.1% pelajar juga bersetuju bahawa surau sekolah mereka telah mengadakan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang berfaedah. Dapatan Item A3 pula menunjukkan majoriti dari responden (95.0%) menyatakan bahawa surau sekolah telah memberi sumbangan yang positif kerana telah dapat meningkatkan amal ibadat mereka.

Selain itu juga, beberapa item yang berhubung dengan fungsi surau terhadap pembangunan diri pelajar yang berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek juga dikemukakan kepada responden. Dari aspek intelek, Item A4 menunjukkan 59.4% dari responden menyatakan aktiviti-aktiviti surau sekolah mereka telah meningkatkan kebolehan berfikir mereka. Dapatan dari Item A5 pula menunjukkan bahawa 74.0% dari pelajar menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti surau telah meningkatkan kestabilan emosi mereka. Bagi aspek kekuatan rohani majoriti responden (79.0%) bersetuju dengan kenyataan bahawa aktiviti surau telah dapat menguatkan rohani diri mereka. Namun begitu, dapatan Item A7 pula menunjukkan hanya 39.4% pelajar bersetuju dengan kenyataan bahawa aktiviti-aktiviti surau telah meningkatkan kecergasan diri mereka manakala kebanyakan mereka (44.3%) menyatakan bahawa mereka tidak pasti dengan kenyataan yang diberikan. Dengan membuat perbandingan min setiap aspek peningkatan diri pelajar, dapatan menunjukkan aktiviti surau telah memberi sumbangan yang tinggi terhadap aspek kerohanian (4.08), diikuti oleh aspek emosi (3.93), aspek intelek (3.65) dan yang terendah ialah aspek peningkatan kecergasan jasmani (3.27).

Jadual 4.8 berikut pula menunjukkan dapatan kajian yang berkaitan dengan fungsi surau dan keberkesanannya keatas proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian merangkumi penilaian pelajar terhadap kesan aktiviti-aktiviti surau kepada pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam seperti aspek pemahaman, penghayatan dan amalan yang merangkumi aspek-aspek pemilihan dan amalan tingkahlaku, interaksi sosial, pengaplikasian ilmu, perkembangan kognitif dan pembinaan sahsiah pelajar. Di samping itu, penilaian terhadap beberapa perkara penggunaan surau sekolah oleh pelajar juga akan dijelaskan oleh penyelidik.

Jadual 4.8 Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam

<i>No</i>	<i>Item-item</i>	<i>STS</i>	<i>TS</i>	<i>TP</i>	<i>S</i>	<i>SS</i>	<i>MIN</i>
B1	Saya <u>memahami</u> cara hidup Islam melalui aktiviti-aktiviti di surau sekolah	4 0.8%	35 6.7%	64 12.2%	257 49.2%	162 31.0%	4.03
B2	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah meningkatkan <u>keyakinan</u> saya terhadap agama Islam	1 .2%	12 2.3%	38 7.3%	190 36.3%	281 53.7%	4.41
B3	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah TIDAK mendorong saya <u>mengamalkan</u> cara hidup Islam*	362 69.6%	112 21.5%	30 5.8%	10 1.9%	6 1.1%	4.56
B4	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah TIDAK merangsang saya untuk <u>belajar</u> bersungguh-sungguh*	272 52.1%	146 28.0%	77 14.8%	24 4.6%	3 0.6%	4.26
B5	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah telah mem-bentuk <u>disiplin</u> saya sebagai seorang pelajar	3 .6%	18 3.4%	103 19.7%	290 55.6%	108 20.7%	3.92
B6	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah berjaya <u>membentuk</u> <u>akhlak</u> saya sebagai seorang pelajar	5 1.0%	20 3.8%	88 16.8	279 53.3%	130 24.9%	3.91
B7	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah TIDAK berjaya membentuk <u>semangat</u> <u>berkawan*</u>	250 47.9%	169 32.3%	71 13.6%	21 4.0%	11 2.1%	4.20
B8	Saya mengadakan aktiviti <u>belajar</u> <u>berkumpulan</u> di surau sekolah.	53 10.1%	139 24.7%	167 31.9%	129 24.7%	35 6.7%	2.91
B9	Saya sentiasa merasa <u>mesra</u> dengan kawan-kawan apabila berada di surau sekolah	9 17.0%	16 3.1%	92 17.6%	271 51.8%	135 25.8%	3.96
B10	Saya berbincang dengan kawan-kawan mengenai <u>kerjaya</u> di surau sekolah	46 8.8%	116 22.3%	227 43.7%	113 21.7%	18 3.5%	2.89
B11	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah merangsang semangat saya untuk berjaya dengan <u>cemerlang</u> dalam pelajaran.	6 1.1%	22 4.2%	142 27.2%	253 48.5%	99 19.0%	3.80
B12	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah telah memberi kesedaran bahawa belajar itu adalah satu <u>ibadah</u>	7 1.3%	9 1.7%	40 7.7%	203 39.1%	260 50.1%	4.34

B13	<u>Fikiran</u> saya sentiasa TIDAK tenang apabila berada di surau sekolah*	359 69.0%	107 20.5%	26 5.0%	14 2.7%	14 2.7%	4.50
B14	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah mendorong saya untuk <u>mengkaji pengertian</u> ayat-ayat Al-Quran	14 2.7%	25 4.8%	156 30.1%	229 44.2%	94 18.1%	3.70
B15	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah TIDAK banyak membantu <u>pembelajaran</u> saya*	147 28.3%	186 35.6%	139 26.7%	37 7.1%	11 2.1%	3.81
B16	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah membantu dalam <u>pembinaan peribadi</u> saya	7 1.3%	26 5.0	107 20.5%	274 52.4%	107 20.5%	3.86
B17	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah membina <u>keyakinan diri</u> saya untuk menghadapi kehidupan sebagai seorang pelajar	6 1.1%	16 3.1%	97 18.5%	278 53.3%	125 23.9%	3.96
B18	Aktiviti-aktiviti di surau sekolah berjaya membina <u>kekuatan dalaman</u> saya untuk menjauhi daripada kegiatan yang melanggar peraturan sekolah	11 2.1%	19 3.6%	138 26.5%	255 49.0%	97 18.7%	3.78
B19	Apabila berada di surau sekolah, saya akan <u>membaca al-Quran</u>	14 2.7%	51 9.8%	176 33.7%	188 36.0%	93 17.8%	3.56
B20	Saya <u>sering menunaikan solat sunat</u> apabila berada di surau sekolah	17 3.3%	83 15.9%	183 35.1%	178 34.1%	61 11.7%	3.35
B21	Saya <u>merasa seronok</u> berada di dalam surau sekolah	6 3.3%	19 3.6%	79 15.1%	271 51.9%	147 28.2%	4.02
B22	Saya <u>TIDAK pernah</u> melakukan Qiyamulail di surau sekolah*	241 46.2%	98 18.7%	77 14.8%	66 12.6%	40 7.7%	3.83
B23	Surau sekolah saya telah digunakan sepenuhnya untuk tujuan <u>pengajaran dan pembelajaran</u> Pendidikan Islam.	21 4.0%	70 13.5%	168 32.3%	150 28.8%	111 21.3%	3.50

* Item negatif

Proses pengajaran dan pembelajaran secara umumnya bertujuan untuk memberikan kefahaman pelajar terhadap ajaran Islam dan tentunya surau mempunyai peranan yang penting dalam mencapai matlamat ini. Item B1 dalam Jadual 4.8 menunjukkan majoriti pelajar (80.2%) menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan pernyataan bahawa aktiviti-

aktiviti surau telah memberikan kefahaman cara hidup Islam kepada mereka. Dalam Item B2, kebanyakan pelajar (90.0%) juga telah bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti surau telah meningkatkan keyakinan mereka terhadap agama Islam. Keputusan yang hampir sama juga dapat dilihat dalam Item B3 dimana 91.1% dari pelajar menyatakan mereka tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa aktiviti-aktiviti surau tidak mendorong mereka untuk mengamalkan cara hidup Islam.

Dalam aspek pemilihan dan amalan tingkahlaku sebagai pelajar, dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam Item B4, 80.1% pelajar menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan pernyataan aktiviti-aktiviti surau tidak merangsang untuk belajar bersungguh-sungguh. Begitu juga bagi Item B5, dapatan menunjukkan bahawa terdapat 76.3% pelajar yang menyatakan bahawa mereka bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti surau telah membentuk disiplin mereka sebagai seorang pelajar. Selain itu, 78.2% pelajar telah menyatakan persetujuan mereka terhadap Item B6 yang menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti surau sekolah telah berjaya membentuk akhlak mereka sebagai seorang pelajar. Hanya sejumlah kecil pelajar yang mempunyai persepsi dengan pelajar-pelajar di atas.

Pendidikan Islam juga menekankan hubungan sosial antara sesama manusia terutama mereka yang berada disekeliling hidupan seharian mereka. Bagi seorang pelajar, tentunya rakan-rakan sebaya mempunyai hubungan yang penting kepada mereka. Dapatan menunjukkan bahawa 80.2% pelajar menyatakan mereka tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa aktiviti-aktiviti surau sekolah tidak berjaya membentuk semangat berkawan sesama mereka. Dengan erti kata lain, aktiviti-aktiviti yang dijalankan berjaya membentuk interaksi sosial yang positif sesama mereka. Namun begitu, dalam aspek pembelajaran kumpulan (Item B8), hanya 31.4% pelajar sahaja yang menyatakan mereka mengadakan aktiviti belajar secara berkumpulan di surau sekolah mereka. Kebanyakan pelajar tidak bersetuju atau tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Pelajar-pelajar kurang mengadakan perbincangan atau belajar secara berkumpulan di surau sekolah mereka. Item B9 pula menunjukkan dapatan kajian yang menyokong Item B7 dimana 77.6% pelajar bersetuju bahawa mereka merasa mesra di antara satu sama lain apabila berada di surau sekolah. Namun begitu, dalam membincangkan aspek kerjaya di masa hadapan, hanya

25.2% pelajar yang membincangkan aspek kejaya dengan rakan-rakan mereka di surau sekolah. Kebanyakan dari mereka tidak bersetuju atau tidak pasti dengan pernyataan yang berkiatan. Seharusnya, sebagai pelajar Muslim, mereka sebenarnya boleh membincangkan aspek kejaya bersama-sama kerana ianya adalah sebahagian dari elemen yang penting dalam kehidupan sebagai seorang Muslim. Aspek mengaplikasikan ilmu serta tanggungjawab merupakan satu perkara yang penting dalam pendidikan Islam. Pengaplikasian ilmu yang dimaksudkan di sini ialah ditahap sebagai seorang pelajar iaitu mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam pendidikan. Item B11 menunjukkan 67.5% pelajar menyatakan aktiviti-aktiviti surau yang dijalankan telah merangsang semangat mereka untuk berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar-pelajar berpendapat bahawa mereka telah dipupuk untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab mereka sebagai pelajar. Selain dari itu, dapatan Item B12 menunjukkan bahawa 89.2% pelajar bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di surau sekolah telah memberikan kesedaran kepada mereka bahawa belajar adalah satu ibadah di sisi Allah swt.

Dalam aspek perkembangan kognitif pula, dapatan kajian menunjukkan 89.5% responden menyatakan mereka tidak bersetuju dengan pernyataan (Item B13) fikiran mereka tidak tenang apabila berada di surau sekolah. Selain itu juga kajian juga memperlihatkan 62.3% pelajar yang bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti surau sekolah mereka dapat mendorong mereka untuk mengkaji atau mendalami pengertian ayat-ayat al-Quran (Item B14). Dalam Item B15 pula, seramai 63.9% pelajar menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa aktiviti-aktiviti surau sekolah tidak banyak membantu pembelajaran mereka.

Salah satu aspek penting sumbangan surau sekolah ialah yang berkaitan dengan pembinaan sahsiah pelajar. Dapatan dalam Item B16 menunjukkan 72.9% pelajar bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti surau sekolah yang dijalankan telah membantu pembinaan peribadi mereka. Bagi aspek keyakinan diri pula (Item B17), 77.2% pelajar pula bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti surau telah berjaya membina keyakinan diri mereka bagi menghadapi kehidupan seharian sebagai seorang pelajar. Peratus yang agak

rendah pula ditunjukkan dalam Item B18 dimana hanya 67.7% pelajar bersetuju dengan pernyataan bahawa aktiviti-aktiviti surau sekolah telah membina kekuatan dalam mereka dalam usaha menjauhi daripada kegiatan yang melanggar peraturan sekolah.

Penggunaan surau sekolah, khususnya yang berkaitan dengan amalan-amalan ibadah khususiah, oleh pelajar adalah satu aspek yang perlu diberi perhatian kerana ianya boleh dilihat sebagai sebagai dari aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Sebagai contoh, terdapat 53.8% (Item B19) pelajar yang menyatakan persetujuan mereka bahawa mereka akan membaca memanfaatkan masa di surau dengan aktiviti membaca al-Quran. Item B20 pula menunjukkan bahawa hanya 45.8% pelajar yang menyatakan mereka sering menunaikan solat sunat apabila berada di dalam surau sekolah mereka walaupun dalam item B21, dapatan menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar (80.1%) merasa seronok apabila berada dalam surau sekolah mereka. Dalam item B22 pula, dapatan menunjukkan ramai pelajar yang melakukan Qiyamulail di surau sekolah mereka kerana 64.9% pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Akhir sekali, Item B23 menunjukkan gambaran keseluruhan penggunaan surau pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dimana hanya 50.1% pelajar bersetuju bahawa surau sekolah mereka telah digunakan sepenuhnya untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Analisa juga telah dibuat untuk melihat perbezaan-perbezaan min yang mungkin wujud di antara pemboleh-boleh ubah bebas iaitu, jantina, lokasi sekolah, persekolahan agama diperingkat rendah, pengalaman tinggal di asrama, jenis sekolah, dan aliran pendidikan. Sehubungan dengan beberapa ujian T dan Anova telah dijalankan untuk melihat perbezaan-perbezaan antara pemboleh-boleh ubah yang ada.

a) Jantina

Jadual 4.9 Perbandingan antara jantina

Kumpulan	N	Min	SD	Nilai t	Sig	Kep
Lelaki	235	3.8563	0.4620	-.620	0.536	TS
Perempuan	287	3.8812	0.4511			

Jadual di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($t = -0.620$, $df = 520$, $p = 0.536$) antara min pelajar lelaki dan min pelajar perempuan. Secara statistiknya, kedua-dua kumpulan ini mempunyai persepsi sama tentang fungsi surau dan keberkesannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

b) Lokasi sekolah

Jadual 4.10 Perbandingan antara lokasi sekolah

Kumpulan	N	Min	SD	Nilai t	Sig	Kep
Bandar	243	3.8701	0.4378	0.056	0.955	TS
Luar Bandar	280	3.8678	0.4721			

Dapatan kajian di atas menunjukkan perbezaan yang wujud di antara sekolah di kawasan bandar dan kawasan luar bandar adalah tidak signifikan ($t = 0.056$, $df = 521$, $p = 0.955$). Dengan kata pelajar-pelajar dari kedua-dua kawasan mempunyai persepsi yang sama terhadap surau sekolah mereka.

c) Pendidikan sekolah rendah agama

Jadual 4.11 Perbandingan antara pendidikan sekolah rendah agama

Kumpulan	N	Min	SD	Nilai T	Sig	Kep
Ada pendidikan rendah agama	447	3.8850	0.4580	1.850	0.065	TS
Tiada pendidikan rendah agama	75	3.7800	0.4353			

Pendidikan sekolah rendah agama secara umumnya tidak memberikan kesan terhadap persepsi pelajar ke atas surau dan keberkesannya kepada pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang wujud adalah tidak signifikan ($t = 1.850$, $df = 520$, $p = 0.065$).

d) Tinggal di asrama sekolah

Jadual 4.12 Perbandingan antara pengalaman tinggal di asrama sekolah

Kumpulan	N	Min	SD	Nilai T	Sig	Kep
Tinggal di asrama sekolah	276	3.9809	0.4394	6.143	0.000	S
Tidak tinggal di asrama sekolah	247	3.7437	0.4423			

Ujian T yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar yang tinggal di asrama dan pelajar yang tidak tinggal di asrama ($t = 6.143$, $df = 521$, $p = 0.000$). Min pelajar yang tinggal di asrama lebih tinggi berbanding dengan rakan mereka yang tidak tinggal di asrama. Secara statistiknya, ini menunjukkan pengalaman tinggal di asrama mempunyai kesan terhadap pandangan terhadap surau sekolah mereka.

e) Jenis Sekolah

Ujian ANOVA telah dijalankan untuk melihat perbezaan min di antara sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah teknik, sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah menengah berasrama penuh. Dapat menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan min antara kumpulan-kumpulan tersebut. [$F(3,519) = 11.111$, $p = 0.000$]. Min yang tertinggi ialah 4.0424 (SMBP), diikuti oleh 3.9758 (SMKA), 3.9624 (SMT) dan 3.7670 (SMK). Faktor jenis sekolah memberi kesan yang signifikan terhadap persepsi pelajar terhadap surau sekolah mereka dan kebekesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

f) Aliran akademik

Dalam ujian ANOVA yang telah dijalankan, dapat menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara enam kumpulan yang ada [$F(5,508) = 3.445$, $p = 0.005$]. Umumnya pelajar dari pelbagai aliran akademik mempunyai persepsi yang berbeza terhadap surau sekolah mereka. Min di antara pelajar vokasional dan aliran agama adalah hampir sama iaitu 4.0541 dan 4.0292. Begitu juga dengan pelajar aliran teknik, sains tulen dan sub-

sains yang mempunyai min hampir sama iaitu 3.8931, 3.8814 dan 3.8397. Min yang terendah ialah dari kumpulan sastera iaitu 3.7710.

4.3.3 Penggunaan surau sekolah

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian yang berkiatan kekerapan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di surau-surau sekolah berdasarkan penilaian yang dijalankan oleh pelajar.

Jadual 4.13 Kekerapan aktiviti-aktiviti surau sekolah

Bil	Aktiviti-aktiviti	TP	SS	AK	K	S	MIN
1	Kelas Membaca al-Quran	78 14.9%	180 34.4%	75 14.3%	93 17.8%	97 18.5%	2.91
2	Kelas Mentafsir al-Quran	158 30.3%	210 40.2%	73 14.0%	51 9.8%	30 5.7%	2.21
3	Kelas Menghafal al-Quran	138 26.4%	177 33.8%	88 16.9%	76 14.6%	43 8.2%	2.44
4	Kelas Fardhu 'Ain (PAFA)	55 10.6%	135 26.1%	109 21.1%	111 21.5%	107 20.7%	3.16
5	Majlis Ibadat Korban	166 32.4%	129 25.2%	41 7.8%	63 12.3%	113 22.1%	2.66
6	Maal Hijrah	68 13.2%	105 20.1%	46 8.9%	95 18.4%	201 39.0%	3.60
7	Maulid Rasul	74 14.3%	83 16.1%	48 9.3%	94 18.2%	217 42.1%	3.58
8	Isra' Mikraj	104 20.3%	106 20.7%	49 9.6%	103 20.1%	150 29.3%	3.17
9	Nuzul al-Quran	121 23.8%	108 20.7%	54 10.6%	83 16.3%	143 28.1%	3.04
10	Majlis kenduri	264 53.4%	137 27.2%	48 9.7%	28 5.7%	17 3.4%	1.78
11	Gotong-Royong	17 3.3%	126 24.3%	100 19.3%	120 23.2%	155 29.9%	3.52

Jadual di atas menunjukkan penilaian pelajar-pelajar terhadap penggunaan surau sekolah dalam aktiviti-aktiviti Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah mereka sepanjang mereka berada di sekolah tersebut. Dengan membanding min setiap aktiviti, perbandingan antara min dapat dibuat. Min yang tertinggi ialah 3.60 (Maal Hijrah), diikuti oleh 3.58 (Maulid Rasul), 3.52 (gotong rotong), 3.17 (Isra' Mikraj), 3.16 (Kelas PAFA), 3.04 (Nuzul Quran), 2.91 (Kelas membaca al-Quran), 2.66 (Majlis Ibadat Kurban), 2.44 (Kelas menghafal Quran), 2.21 (Kelas Mentafsir Quran) dan 1.78 (Majlis kenduri sekolah).

Berdasarkan kepada dapatan di atas, tiga aktiviti-aktiviti tertinggi yang diadakan disurau sekolah ialah sambutan Maal Hijrah, Maulid Rasul dan juga aktiviti-aktiviti gotong royong. Dalam aktiviti Maal Hijrah terdapat 39.0% pelajar menyatakan bahawa sambutan Maal Hijrah sering diadakan di surau sekolah mereka manakala 18.4% pula menyatakan kerap diadakan disurau sekolah mereka. Bagi sambutan Maulid Rasul pula, 42.1% pelajar menyatakan ia sering diadakan di surau sekolah mereka, manakala 18.2% menyatakan kerap diadakan disurau sekolah mereka. Terdapat 29.9% pelajar menyatakan bahawa aktiviti gotong royong sering diadakan disurau sekolah mereka dan 23.2 peratus pula menyatakan aktiviti tersebut kerap juga diadakan.

Aktiviti yang paling kurang diadakan di surau-surau sekolah ialah Majlis Kenduri dimana terdapat hanya 3.4% pelajar menyatakan sering diadakan dan 5.7% sahaja yang menyatakan kerap diadakan. Antara aktiviti yang juga kurang diadakan ialah kelas mentafsir al-Quran dimana hanya terdapat 5.7% pelajar menyatakan ianya sering diadakan dan 9.8% yang menyatakan ia kerap diadakan. Selain itu, kelas menghafal al-Quran juga agak kurang aktif di surau-surau sekolah dimana hanya 8.2% pelajar yang menyatakan sering diadakan dan hanya 14.6% menyatakan kerap diadakan di surau-surau sekolah.

Di samping itu, terdapat beberapa aktiviti-aktiviti lain yang diadakan di surau-surau sekolah. Jadual berikut menunjukkan beberapa aktiviti yang dijalankan disurau sekolah:

Jadual 4.14 Aktiviti-aktiviti lain di surau-surau sekolah

Bil	Aktiviti-aktiviti	Jumlah	Peratus
1	Yassin dan Tahlil	107	20.5%
2	Solat Hajat	73	14.0%
3	Lain-lain (diskusi dan perbincangan kumpulan)	205	39.2%

Jadual diatas menunjukkan serama 107 pelajar (20.5%) menyatakan surau sekolah mereka mengadakan majlis bacaan Yassin dan juga Tahlil. Selain itu hanya 73 orang

pelajar (14.0%) menyatakan surau sekolah ada mengadakan program sembahyang hajat khususnya apabila menjelang peperiksaan. Manakala terdapat 205 orang pelajar (39.2%), terutama mereka yang tinggal di asrama, yang menyatakan surau sekolah mereka juga digunakan untuk diskusi atau perbincangan kumpulan.

Pelajar juga telah diminta menyatakan solat lima waktu yang dilaksanakan di surau sekolah mereka secara berjamaah. Berikut adalah dapatan yang telah diperolehi.

Jadual 4.15 Kekerapan solat waktu secara berjamaah di surau sekolah

<i>Bil</i>	<i>Waktu</i>	<i>Ada</i>	<i>Peratusan</i>
1	Subuh	216	41.5%
2	Zohor	370	71.0%
3	Asar	252	48.4%
4	Maghrib	274	52.6%
5	Isyak	267	51.3%

Dapatan di atas menunjukkan terdapat perbezaan di dalam kekerapan sembahyang lima waktu secara berjamaah di kalangan pelajar-pelajar di surau-surau sekolah mereka. Solat Zohor adalah sembahyang yang sering dilakukan secara berjamaah oleh pelajar-pelajar kerana peratus yang didapati adalah yang tertinggi iaitu 70.0%. Ini diikuti oleh solat Maghrib (52.6%), solat Isyak (51.3%) dan solat Asar (48.4%). Peratusan yang terendah ialah untuk solat Subuh dimana hanya 42.5% pelajar menyatakan mereka sering solat berjamaah di waktu Subuh di surau sekolah mereka.

4.3.4 Penglibatan Warga Sekolah di Surau Sekolah

Dalam sub-topik ini, dapatan tentang penilaian pelajar-pelajar terhadap penglibatan warga sekolah di surau-surau sekolah akan dibentang oleh penyelidik. Jadual berikut akan memberikan dapatan kajian yang dijalankan.

Jadual 4.16 Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti surau sekolah

No	Item-item	TP	SS	AK	K	S	MIN
1	Pengetua Sekolah	73 14.0%	173 33.4%	92 17.8%	73 14.1%	107 20.5%	2.94
2	Kakitangan pentadbiran Sekolah	58 11.3%	152 29.6%	96 18.7%	103 19.7%	105 20.4%	3.09
3	Guru-guru Pendidikan Islam	2 0.4%	19 3.7%	57 11.0%	126 24.3%	314 60.6%	4.41
4	Guru-guru lain	14 2.7%	133 25.4%	148 28.3%	153 29.3%	71 13.6%	3.26
5	Kakitangan Sekolah	104 19.9%	233 44.6%	98 18.7%	57 10.9%	21 4.0%	2.33
6	PIBG	127 24.6%	241 46.6%	75 14.3%	49 9.4%	25 4.8%	2.23
7	Murid-Murid	1 0.2%	22 4.2%	46 8.9%	73 14.1%	376 72.6%	4.55
8	Masyarakat Setempat	219 42.3%	200 38.2%	58 11.2%	33 6.4%	5 1.5%	1.86

Dapatan kajian di atas menunjukkan kepelbagaian persepsi pelajar terhadap penglibatan warga sekolah di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh surau sekolah mereka. Min yang tertinggi (4.55) ialah di kalangan pelajar dimana seramai 87.7% responden menyatakan pelajar kerap atau sering terlibat dengan aktiviti yang dijalankan. Ini diikuti min guru-guru pendidikan Islam (4.41) dimana 84.9% responden menyatakan guru pendidikan Islam mereka kerap atau sering terlibat dalam aktiviti yang dijalankan di surau sekolah. Guru-guru lain juga menunjukkan min yang agak tinggi (3.26) dimana 41.9% pelajar menilai guru-guru lain kerap atau sering terlibat di dalam aktiviti yang dijalankan. Min bagi kakitangan pentadbiran sekolah juga agak tinggi (3.09) dimana 40.1% pelajar melihat mereka kerap atau sering terlibat di dalam aktiviti-aktiviti surau sekolah.

Pada persepsi pelajar, min penglibatan pengetua sekolah di dalam aktiviti yang dijalankan agak rendah (2.94) dimana hanya 34.6% pelajar menyatakan pengetua sekolah mereka kerap atau sentiasa terlibat di dalam aktiviti-aktiviti surau sekolah yang dijalankan. Min penglibatan yang diperolehi oleh kakitangan sekolah dan PIBG adalah rendah. Min bagi kakitangan sekolah ialah 2.33 manakala PIBG adalah 2.23. Pada pandangan pelajar hanya 14.9% kakitangan sekolah dan 14.2% PIBG yang kerap atau

sering aktif di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Min yang terendah (1.86) adalah dari masyarakat setempat dimana hanya 7.9% responden menyatakan masyarakat setempat kerap atau sering terlibat di dalam aktiviti-aktiviti surau sekolah mereka. Malah, ramai pelajar (42.3%) menyatakan tiada penglibatan dari masyarakat setempat di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

4.4 Dapatan Temubual

Bahagian ini akan menghuraikan dapatan kajian yang diperolehi dari temubual dijalankan dengan 14 orang guru pendidikan Islam sebagai maklumat sokongan kepada dapatan sebelum ini. Perbincangan akan dibahagikan kepada dua sub-tajuk seperti berikut.

4.4.1 Latar belakang responden

Jadual 4.17 Latar belakang responden temubual

<i>ITEM</i>	<i>FREKUENSI</i> (<i>Jumlah N = 14</i>)	<i>PERATUS</i> (%)
Jawatan di Sekolah		
a) GPK	1	7 %
b) Ketua Panitia	6	43%
c) Guru Pendidikan Islam	7	50%
Bidang Pengajaran		
a) Pendidikan Islam / B.Arab	14	100%
Pengalaman Mengajar		
a) Kurang 3 tahun	5	36%
b) 3 tahun – 10 tahun	6	43%
c) Lebih 10 tahun	3	21%
Kelulusan Akademik		
a) Sarjana	1	7%
b) Sarjanamuda	12	86%
c) STPM / 4 Senawi	1	7%

Latihan Keguruan		
a) Sijil Perguruan Asas	2	14%
b) KPLI	7	50%
c) Diploma Pendidikan (IPT)	5	36%

Penglibatan dalam Surau Sekolah		
a) Pengerusi	1	7%
b) Setiausaha	2	14%
c) Bendahari	2	14%
d) Imam	1	7%
e) AJK	3	21%
f) Lain-lain	5	36%

Jadual 4.17 di atas telah menunjukkan 14 orang guru pendidikan Islam yang ditemubual datang dari pelbagai latar belakang seperti jawatan di sekolah, pengalaman mengajar, latihan perguruan dari juga penglibatan mereka di dalam surau sekolah. Jadual menunjukkan seorang dari responden adalah guru penolong kanan sekolah, 6 orang ketua panita pendidikan Islam manakala tujuh lagi adalah guru biasa pendidikan Islam. 5 orang dari mereka mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 3 tahun, 6 orang telah berkhidmat di antara 3 hingga 10 tahun, manakala 3 orang mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun. Seramai 12 orang guru yang ditemubual mempunyai ijazah sarjana muda, seorang mempunyai sarjana dan seorang lagi adalah pemegang sijil STPM. Kesemua mereka adalah guru terlatih yang mempunyai latihan perguruan dari pelbagai institusi pendidikan. Mereka secara umumnya terlibat secara aktif di dalam surau sekolah dan juga memegang pelbagai jawatan di surau sekolah mereka.

4.4.2 Fungsi Surau Sekolah

Berdasarkan analisa yang telah dijalankan, penyelidik telah membahagikan perbincangan dalam sub tajuk ini kepada beberapa topik berdasarkan kepada soalan-soalan temubual yang telah dikemukakan kepada responden kajian.

SOALAN 1

Pada pandangan anda, apakah sebenarnya peranan sesebuah surau sekolah ?

Analisa yang dijalankan menunjukkan guru-guru telah memberikan pelbagai jawapan yang berkaitan dengan peranan surau sekolah. Umumnya, guru-guru pendidikan Islam mempunyai kefahaman yang luas tentang surau sekolah. Mereka tidak menghadkan peranan surau sebagai pusat ibadah khusus semata-mata, malah surau mempunyai peranan yang luas dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran dan juga dalam aspek pembangunan insan. Berikut adalah rumusan jawapan yang telah diberikan.

a) Pembelajaran :

Mempunyai peranan yang besar terutama dari sudut amali seperti amali solat, kemahiran Quran dan Ujian PAFA, memudahkan untuk buat praktikal / tunjuk cara, tempat kuliah agama dan kelas bimbingan al-Quran.

b) Ko-Kurikulum :

Sebagai tempat untuk menyambut Hari Kebesaran Islam, tempat aktiviti persatuan BADAR dan Puteri Islam seperti usrah, tempat ibadah bagi aktiviti perkhemahan dalaman, tempat mengadakan pertandingan-pertandingan berorientasikan Islam.

c) Kerohanian / Ibadah :

Sebagai tempat ibadah bagi pelajar dan guru, tempat praktikal solat, qiyammulail, tadarus al-Quran, solat tarawikh, melatih ibadah solat dan solat jamaah, kuliah Maghrib, usrah dan sebagainya.

d) Sahsiah / Akhlak :

Melalui pelbagai aktiviti yang diadakan dengan menjaga adab-adab yang tertentu , melalui 'ikhtiqaf pelajar waktu antara Magrib dan Isyak, membentuk akhlak terpuji , tempat mengadakan tazkirah dan menerapkan nilai-nilai murni.

e) Disiplin :

Membentuk disiplin pelajar melalui peraturan penggunaan surau, melalui 'ikhtiqaf pelajar waktu antara Magrib dan Isyak, menjadikan pelajar berdisiplin, melatih pelajar beradab yang sesuai dalam surau

f) Lain-Lain :

Sebagai tempat kaunseling seperti melakukan Solat Taubat , Surau sebagai tempat Solat Jumaat, penyebaran bahan penerbitan dan mengadakan kutipan dana.

SOALAN 2 :

Adakah aspek pengurusan surau sekolah dimasukkan dalam agenda mesyuarat Panitia Pendidikan Islam atau mesyuarat sekolah?

Secara umumnya dapatlah dirumuskan jawapan-jawapan yang diberikan seperti berikut:

a) Agenda tetap panitia

Tidak semua sekolah memasukkan aspek pengurusan surau sekolah sebagai agenda tetap mesyuarat panitia. Namun aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penggunaan surau akan dibincangkan dalam panitia apabila perlu.

b) Agenda tetap sekolah

Hampir semua sekolah tidak menjadikannya sebagai agenda tetap tetapi hanya akan dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan jika timbul isu-isu yang berkaitan.

c) Laporan

Sebahagian surau sekolah ada menyediakan laporan sama ada secara bertulis atau lisan kepada pengetua melalui pengerusi atau setiausaha surau. Terdapat juga laporan yang disediakan oleh guru-guru bertugas harian.

d) Hal-hal lain

Pengurusan surau sekolah kebanyakannya di bawah pengurusan Panitia Pendidikan Islam. Namun terdapat juga surau yang diuruskan oleh sebuah jawatankuasa khas surau terutamanya bagi surau yang turut digunakan oleh masyarakat setempat bagi solat Jumaat.

SOALAN 3 :

Bolehkah anda jelaskan apakah peranan yang dilaksanakan oleh surau sekolah anda?

Secara umumnya, pelbagai jawapan yang telah diberikan dan ianya boleh dikategorikan seperti berikut:

a) Pembelajaran :

Tempat aktiviti amali seperti amali solat, kemahiran Quran dan Ujian PAFA, memudahkan untuk buat praktikal / tunjuk cara, tempat kuliah agama dan kelas bimbingan al-Quran.

b) Ko-Kurikulum :

Sebagai tempat untuk menyambut Hari Kebesaran Islam, tempat aktiviti persatuan BADAR dan Puteri Islam seperti usrah, tempat ibadah bagi aktiviti perkhemahan dalaman, tempat mengadakan pertandingan-pertandingan berorientasikan Islam.

c) Kerohanian / Ibadah :

Sebagai tempat ibadah bagi pelajar dan guru, tempat praktikal solat, qiyammulail, tadarus al-Quran, solat tarawikh, melatih ibadah solat dan solat jamaah, kuliah Maghrib, usrah dan sebagainya.

d) Sahsiah / Akhlak :

Melalui pelbagai aktiviti yang diadakan dengan menjaga adab-adab yang tertentu, melalui 'ikhtiqaf pelajar waktu antara Magrib dan Isyak, membentuk akhlak terpuji, tempat mengadakan tazkirah dan menerapkan nilai-nilai murni.

e) Disiplin :

Membentuk disiplin pelajar melalui peraturan penggunaan surau, melalui 'ikhtiqaf pelajar waktu antara Magrib dan Isyak, menjadikan pelajar berdisiplin, melatih pelajar beradab yang sesuai dalam surau

f) Lain-Lain :

Sebagai tempat kaunseling seperti melakukan solat taubat , surau sebagai tempat solat Jumaat, penyebaran bahan penerbitan seperti "Minda Masjid" dan mengadakan kutipan dana.

SOALAN 4 :

Adakah anda berpuas hati dengan peranan surau di sekolah anda? Mengapa?

Responden telah memberikan berbagai reaksi tentang kepuasan hati mereka terhadap peranan surau sekolah mereka. Reaksi dapat dikategorikan kepada beberapa tema seperti berikut:

a) Aktiviti

Sebahagian besar responden berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan kerana ia berjalan lancar. Namun terdapat juga responden yang kurang berpuas hati kerana menganggap masih banyak lagi aktiviti yang boleh dijalankan.

b) Pengurusan

Sebahagian besar responden turut berpuas hati dengan pengurusan surau sekolah mereka kerana pihak j/kuasa telah menjalankan tugas mereka dengan baik dan tidak banyak menimbulkan masalah. Bagi yang kurang berpuas hati, mereka membangkitkan masalah kekurangan tenaga kerja, masa dan peruntukan kewangan.

c) Penglibatan

Sebahagian responden berpuas hati dengan tahap penglibatan pelajar, guru dan pihak pentadbir. Sebahagian yang lain masih kurang berpuas hati terutama penglibatan pihak guru dan pentadbir dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

d) Fizikal

Sebahagian responden berpuas hati dengan keadaan fizikal surau sekolah mereka, sebahagian yang lain kurang berpuas hati dan perlu dipertingkatkan. Terdapat juga responden yang merasakan tahap fizikal surau sekolah mereka adalah sederhana.

e) Landskap

Sebahagian besar responden merasakan landskap surau sekolah mereka masih boleh dipertingkatkan lagi supaya lebih menarik.

SOALAN 5

Apakah bentuk aktiviti-aktiviti yang sering dilaksanakan di surau sekolah?

Berikut adalah jawapan yang diberikan oleh guru-guru pendidikan Islam terhadap persoalan di atas.

a) Pembelajaran

Kelas al-Quran, latihan amali wudu', solat, praktikal jenazah dan PAFA.

b) Ko-Kurikulum

Pertandingan azan, aktiviti Persatuan Agama Islam atau Puteri Islam dan latihan-latihan bagi pelbagai pertandingan.

c) Kerohanian / Ibadah

Solat Zuhur dan Asar, solat berjamaah, solat Hajat, solat Tarawikh, solat Gerhana, halaqah al-Quran, bacaan Yaasin, Qiyamulail

d) Sahsiah / Akhlak

Usrah, tazkirah, kursus kepimpinan dan gotong-royong

e) Lain-lain

Latihan ketrampilan diri melalui pertandingan seperti syarahan, Solat Hari Raya

SOALAN 6

Bagaimana dengan penglibatan pelajar dan guru dalam aktiviti yang dijalankan.

Berkaitan dengan penglibatan pelajar-pelajar dan juga kakitangan sekolah, guru-guru yang ditembual secara umumnya memberi reaksi yang berbeza tentang penglibatan pelajar dan kakitangan di sekolah mereka. Berikut adalah dapatan yang didapati dari analisa jawapan yang diberikan.

a) Pelajar lelaki

Sebahagian besar responden berpuas hati namun masih boleh diperbaiki

b) Pelajar perempuan

Baik dan tidak ada masalah

c) Guru lelaki

Pada keseluruhannya baik namun bergantung kepada keadaan dan bagi warden tidak ada masalah.

d) Guru perempuan

Sebahagiannya penglibatan mereka memuaskan dan sebahagian yang lain agak kurang memuaskan.

e) Pentadbir

Baik malah terdapat pentadbir yang amat perihatin, namun terdapat juga segelintir yang kurang melibatkan diri.

f) Guru Agama Islam

Memuaskan dan sebahagian besar memberikan kerjasama yang baik

g) Guru bidang lain

Pada keseluruhannya baik dimana guru-guru ini telah memberikan kerjasama dalam menjayakan aktiviti atau program yang dijalankan di surau sekolah mereka.

h) Kakitangan sokongan

Penglibatan mereka adalah sederhana kerana ada yang tidak pernah terlibat dengan program yang dirancang.

SOALAN 7

Adakah anda berpuas hati dengan keperluan fizikal dan tahap kebersihan surau sekolah?

Berikut adalah rumusan yang telah dibuat berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh guru-guru pendidikan Islam yang telah ditemubual.

a) Keperluan fizikal

Sebahagian besar responden masih kurang berpuas hati terutama dari segi saiz yang perlu lebih besar disamping peralatan yang masih kurang dan rosak.

b) Kebersihan

Sebahagian besar responden berpuas hati dengan tahap kebersihan surau kerana ada pekerja, jawatankuasa dan pelajar yang membersihkannya.

SOALAN 8

Bagaimana surau boleh memberikan sumbangan dalam aspek pembangunan sahsiah pelajar?

Bagi soalan ini, terdapat pelbagai pandangan yang telah diberikan oleh responden dapat dapatlah dirumuskan seperti berikut:

a) Disiplin

Surau boleh membantu mengatasi masalah disiplin dengan sesi kaunseling yang dijalankan dalam surau, latihan menepati masa dalam solat, mengikut ketua dalam solat berjamaah. Warden asrama juga selalu menggunakan surau untuk menyampaikan arahan atau peraturan yang tertentu.

b) Akhlak

Mematuhi adab-adab berada dalam surau, melalui tazkirah dan pengisian ilmu yang dijalankan, solat dan sebagainya.

c) Kepimpinan

Melalui latihan menjadi imam solat dan bilal, membaca hadis sebagai tazkirah kepada rakan-rakan, bertanggungjawab melalui tugas-tugas yang diamanahkan dalam j/kuasa, membentuk keyakinan diri, latihan pidato dan lain-lain

d) Ketrampilan diri

Mampu berdikari dengan boleh menunaikan solat tanpa arahan guru, memberi peluang kepada pelajar mengetuai biro-biro tertentu dalam surau, khemah ibadah dan sebagainya.

SOALAN 9

Secara keseluruhan, sejauhmana surau sekolah telah memberi sumbangan yang positif dalam pengajaran pembelajaran Pendidikan Islam.

Dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, guru-guru telah memberikan maklumat yang berbagai dapat dikelaskan kepada beberapa tema seperti berikut:

a) Amal Ibadah

Pada keseluruhannya responden bersetuju surau sekolah telah memberi sumbangan yang positif dalam P&P Pendidikan Islam seperti perlaksanaan solat lima waktu dan amali ibadah yang lain.

b) Sahsiah/Akhlak

Surau sekolah juga telah membantu proses pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pelbagai aktiviti dalam dan luar bilik darjah yang dijalankan di surau seperti usrah, tazkirah, kuliah maghrib dan sebagainya.

c) Pendidikan al-Quran

Pendidikan al-Quran juga semakin baik dengan bantuan surau yang menyediakan tempat dan suasana membaca al-Quran yang lebih tenang dan sesuai.

d) Sikap

Sikap sebahagian pelajar juga telah berubah lebih positif apabila aktiviti yang dijalankan di surau tersebut mencapai objektifnya secara berkesan seperti sikap bertanggungjawab dan berdisiplin.

e) Penghayatan

Penghayatan pelajar juga meningkat apabila pengajaran pembelajaran Pendidikan Islam dijalankan di surau.

SOALAN 10

Apakah cadangan-cadangan anda untuk meningkatkan lagi peranan surau sekolah?

Cadangan-cadangan yang diberikan dapat dikategorikan kepada beberapa tema seperti berikut:

a) Aktiviti

Semua aktiviti perlu dipertingkatkan dari segi kuantiti, kekerapan, kualiti dan keberkesanannya

b) Keperluan fizikal

Semua keperluan fizikal dipertingkatkan supaya sesuai dengan keperluan bilangan pelajar, keperluan pengajaran pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan semasa seperti kemudahan elektronik dan teknologi maklumat dan komunikasi.

c) Penglibatan

Penglibatan semua pihak sama ada pelajar, guru, pentadbir, ibubapa dan PIBG perlu ditingkatkan dari segi kehadiran, sokongan, kerjasama dan sebagainya untuk melonjakkan peranan surau sekolah dalam proses pendidikan yang menyeluruh.

d) Sahsiah, Pemahaman, Penghayatan dan Amalan

Dicadangkan supaya aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan secara berkesan dengan mendapat kerjasama semua pihak. Pihak luar seperti Jabatan Agama, Polis dan lain-lain juga boleh dilibatkan dalam aktiviti surau. Prasarana, kemudahan dan hiasan surau juga perlu dipertingkatkan supaya lebih menarik dan dapat meningkatkan minat pelajar.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan dengan lebih lanjut dapatan-dapatan kajian yang telah diperolehi berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan sebelum ini. Perbincangan dalam bab ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan mengkaji fungsi surau dan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang memberi tumpuan kepada surau-sarau sekolah menengah di negeri Selangor. Secara lebih terperinci kajian ini telah memperolehi dapatan-dapatan yang boleh dijadikan asas untuk menjalankan penyelidikan yang lebih besar dan mendalam. Dapatan kajian ini merangkumi tahap penggunaan surau-sarau sekolah berdasarkan kepada persepsi pelajar-pelajar dan guru-guru, tahap keperluan fizikal dan kemudahan prasarana surau-sarau di sekolah, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di surau-sarau sekolah, perbezaan penggunaan surau dari aspek jantina, jenis sekolah, aliran akademik pelajar, tahap dan latar belakang pendidikan serta lokasi sekolah, penglibatan warga sekolah di dalam aktiviti surau sekolah dan juga kekuatan dan kelemahan penggunaan surau sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Seramai 523 pelajar, 14 orang guru pendidikan Islam dan 19 buah surau dari 17 buah sekolah menengah di negeri Selangor telah terlibat dalam kajian ini. Bahagian berikut ini akan membincangkan dapatan-dapatan yang telah diperolehi oleh penyelidik.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Berasaskan kepada objektif dan persoalan kajian, bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa sub-tajuk seperti berikut:

5.3.1 Tahap keperluan fizikal dan kemudahan prasarana surau-sarau di sekolah.

Secara umumnya dapatan kajian menunjukkan surau-sarau yang dilawati oleh penyelidik berada dalam keadaan yang memuaskan. Kebanyakan surau-sarau tersebut berada di kawasan utama sekolah dan berada di kawasan yang strategik untuk pelajar-pelajar khususnya dan warga sekolah lain amnya. Dengan kata lain, kedudukan surau memudahkan mereka untuk menggunakannya. Selain itu, keluasan surau-sarau yang dibina juga adalah sesuai dengan jumlah pelajar sekolah dan boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti. Ada juga surau sekolah yang digunakan untuk solat Jumaat. Kebanyakan bangunan surau sekolah juga dibina secara berasingan menepati garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hanya dua buah surau yang dibina di dalam bangunan sekolah. Secara umumnya, surau-sarau yang dibina mendapat peruntukan dari pihak kerajaan dan juga sumbangan dari orang ramai.

Dari aspek kemudahan atau prasana yang disediakan, dapatan menunjukkan hampir kesemua surau mempunyai kemudahan yang sempurna seperti kipas angin, lampu, tempat wuduk, buku agama, sejadah, jam penunjuk waktu solat dan sebagainya. Hanya terdapat beberapa buah surau yang tidak mempunyai kemudahan yang asas seperti pagar, beranda surau tempat letak kasut dan juga mimbar. Kesemua sekolah tersebut juga tidak mempunyai alat pendingin hawa dan juga dapur. Dari aspek kualiti pula, dapatan pemerhatian secara umumnya menunjukkan bahawa tahap keadaan fizikal surau-sarau sekolah yang telah dinilai adalah agak memuaskan. Kebanyakan kemudahan-kemudahan fizikal yang ada di sembilan belas buah surau-sarau didapati dalam keadaan baik dan berfungsi dengan sempurna.

Terdapat beberapa buah surau sekolah yang mempunyai kemudahan fizikal yang dikategorikan oleh pengkaji sebagai amat baik. Ada juga beberapa buah surau yang kemudahan asasnya dikategorikan sebagai sederhana seperti sistem perparitan di empat buah surau, keadaan tandas di lima buah surau sekolah, kemudahan sejadah di empat buah surau, almari di lima buah surau, kemudahan kain dan telekung di lima buah surau dan juga tempat berwuduk, dan setor simpanan barang.

Umumnya, susunan peralatan di di surau yang dikaji adalah memuaskan. Namun begitu, kajian juga menunjukkan masih terdapat juga beberapa surau sekolah yang tidak mempunyai kemudahan yang baik seperti tempat berwuduk yang tidak baik, lampu dan kipas angin yang tidak berfungsi, almari, rak buku dan rak kasut yang telah rosak dan juga poster yang tidak menarik.

5.3.2 Persepsi pelajar-pelajar dan guru-guru terhadap penggunaan surau sekolah

a) Persepsi pelajar

Pada keseluruhannya, majoriti daripada pelajar berpendapat surau sekolah mereka telah memberikan sumbangan yang besar dalam pembangunan diri pelajar. Ramai pelajar yang bersetuju bahawa surau dapat berfungsi dalam aktiviti pembelajaran, program ko-kurikulum dan juga dapat meningkatkan amal ibadat mereka. Malah, pelajar-pelajar juga berpendapat kebolehan berfikir, kestabilan emosi dan juga rohani telah meningkat dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh surau sekolah mereka. Aspek yang agak kurang diberi tumpuan ialah kecergasan jasmani dimana kurang dari 40.0% pelajar yang bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Perbandingan min menunjukkan bahawa aspek yang paling tinggi ialah rohani, diikuti oleh emosi, intelek dan kecergasan jasmani.

Selain dari dapatan dapatan kajian juga menunjukkan surau sekolah telah memberikan sumbangan yang positif ke atas proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian ini merangkumi penilaian pelajar terhadap kesan aktiviti-aktiviti surau kepada pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam seperti

aspek pemahaman, penghayatan dan amalan yang merangkumi aspek-aspek pemilihan dan amalan tingkahlaku, interaksi sosial, pengaplikasian ilmu, perkembangan kognitif dan pembinaan sahsiah pelajar. Majoriti pelajar telah memberikan penilaian yang positif terhadap item-item yang berkaitan dengan surau sekolah mereka. Hanya beberapa item yang mempunyai peratusan yang rendah seperti aktiviti belajar secara kumpulan dan juga perbincangan kerjaya di surau sekolah dimana min kedua-dua ini adalah di bawah 3.00. Manakala, min-min dari item-item yang lain adalah tinggi iaitu di antara 3.35 hingga 4.56. Dapatan ini menunjukkan majoriti pelajar bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti surau sekolah mereka telah memberikan sumbangan yang positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam.

Surau sekolah telah memainkan peranan yang penting dalam pendidikan Islam secara khususnya. Penglibatan pelajar dalam aktiviti yang dijalankan juga adalah baik dan tidak hanya tertumpu kepada aspek ibadah khususiah sahaja. Surau sekolah telah memberikan sumbangan yang penting dalam pembangunan diri pelajar yang menyeluruh dan seimbang dari segi emosi, rohani, intelektual dan juga jasmani. Namun begitu, sumbangan surau sekolah terhadap pembangunan aspek kecergasan jasmani perlu diberi perhatian dan dipertingkatkan lagi.

b) Persepsi guru

Berdasarkan temubual yang dijalankan, dapatan kajian menunjukkan guru mempunyai gambaran yang menyeluruh tentang surau sekolah. Kesemua guru telah memberikan definisi yang luas tentang surau sekolah termasuk dari aspek pembelajaran, ko-kurikulum, kerohanian dan ibadah, pembinaan akhlak dan disiplin pelajar. Di semua sekolah, pengurusan surau sekolah adalah di bawah Panitia Pendidikan Islam sekolah. Walaupun tidak dijadikan agenda tetap mesyuarat panitia, aspek surau sering dibincangkan dalam agenda mesyuarat peringkat panitia. Kesemua sekolah juga tidak menjadikan surau sebagai agenda mesyuarat sekolah dan perkembangan hanya dilaporkan kepada pihak pengurusan sekolah.

Umumnya, aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah berbagai-bagai dan tidak hanya tertumpu kepada aspek ibadah khususnya semata. Aktiviti yang dijalankan merangkumi pengajaran dan pembelajaran termasuk PAFA, ko-kurikulum, kerohanian, pembangunan diri, sahsiah dan akhlak pelajar, kaunseling serta perundingan dengan pelajar. Kebanyakan guru-guru juga berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di surau sekolah mereka. Majoriti dari mereka juga berpuas hati dengan pengurusan surau sekolah dan juga fizikal surau sekolah mereka. Namun mereka agak kurang berpuas hati dengan penglibatan guru dan juga pentabdir sekolah dengan surau sekolah. Sebahagian mereka juga tidak berpuas hati dengan keadaan landskap surau dan boleh dipertingkatkan lagi. Dari aspek keluasan surau sekolah mereka, kebanyakan guru mencadangkan supaya dapat diperbesarkan lagi demi keselesaan penggunaannya dan peralatan yang rosak perlulah diganti. Aspek kebersihan surau juga adalah baik kerana guru-guru yang ditemubual berpuas hati dengan keadaan surau-sarau di sekolah mereka.

5.3.3 Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di surau-sarau sekolah

Penilaian pelajar-pelajar terhadap aktiviti-aktiviti Pendidikan Islam menunjukkan aktiviti dijalankan di surau sekolah mereka. Tiga aktiviti tertinggi ialah Maal Hijrah, Maulid Rasul dan juga aktiviti-aktiviti gotong royong. Aktiviti yang paling kurang diadakan di surau-sarau sekolah ialah majlis kenduri, kelas mentafsir al-Quran dan kelas menghafal al-Quran. Di samping itu, terdapat beberapa aktiviti-aktiviti lain yang diadakan di surau-sarau sekolah seperti majlis bacaan Yassin dan juga tahlil, program sembahyang hajat khususnya apabila menjelang peperiksaan dan diskusi atau perbincangan kumpulan. Bagi aspek solat lima waktu, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan di dalam kekerapan sembahyang lima waktu secara berjamaah di kalangan pelajar-pelajar di surau-sarau sekolah mereka. Solat Zohor adalah sembahyang yang sering dilakukan secara berjamaah oleh pelajar-pelajar, diikuti oleh solat Maghrib, Isyak, dan Asar. Solat subuh adalah solat yang paling kurang dilakukan secara berjamaah di surau sekolah.

Guru-guru juga telah menyatakan aktiviti-aktiviti yang sering dijalankan seperti pembelajaran kelas Quran, amali solat, wuduk, PAFA, aktiviti-aktiviti ko-kurikulum, program ibadah dan kerohanian, program pembinaan insan, kaunseling dan sahsiah pelajar serta program-program lain yang bercorak keagamaan. Umumnya, pelbagai bentuk program yang diadakan di surau-sarau sekolah.

5.3.4 Faktor yang mempengaruhi penggunaan surau sekolah

Berdasarkan kepada ujian t dan ANOVA yang dijalankan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi dan tidak mempengaruhi penggunaan surau sekolah dikalangan pelajar-pelajar kerana terdapatnya perbezaan min yang signifikan antara kumpulan-kumpulan. Faktor yang tidak memberikan kesan yang signifikan ialah jantina, lokasi sekolah dan juga pendidikan di sekolah rendah agama. Secara statistik, faktor-faktor yang memberikan kesan yang signifikan ialah pengalaman tinggal di asrama, jenis sekolah dan juga aliran akademik. Dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar yang tinggal di asrama mempunyai min yang lebih tinggi berbanding dengan rakan-rakan mereka yang tidak tinggal di asrama. Ini disebabkan mereka lebih banyak berpeluang untuk terlibat dengan aktiviti yang dijalankan dan juga untuk menggunakan dalam kehidupan seharian mereka. Ini menyebabkan mereka mempunyai pandangan yang lebih positif terhadap surau sekolah mereka berbanding dengan rakan-rakan mereka yang tinggal diluar asrama kerana mereka terbatas dalam menggunakan surau sekolah. Kebanyakan pelajar-pelajar yang tidak tinggal di asrama hanya menggunakan surau untuk solat zohor dan asar berbanding dengan mereka yang tinggal di asrama yang menggunakan surau untuk solat lima waktu. Selain dari itu, pelajar-pelajar yang tinggal di asrama juga mempunyai pendedahan agama yang lebih berbanding dengan rakan-rakan mereka yang tinggal diluar kerana mereka sering mengikuti pelbagai aktiviti keagamaan yang dirancang oleh pihak sekolah di surau sekolah mereka. Antara faktor lain ialah suasana keagamaan positif di asrama yang turut mempengaruhi pelajar dalam menggunakan surau sekolah mereka. Umumnya, faktor tinggal di asrama memberikan kesan yang signifikan kepada penggunaan surau sekolah di kalangan pelajar dan ianya juga mempunyai kaitan secara langsung dengan jenis sekolah dan juga aliran akademik pelajar.

Jenis sekolah juga turut mempengaruhi penggunaan surau sekolah dimana ia juga boleh dikaitkan dengan pengalaman tinggal di asrama sekolah. Sekolah berasrama penuh, sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah teknik adalah sekolah yang mempunyai asrama dan hampir kesemua pelajar dari ketiga-tiga sekolah ini tinggal di asrama sekolah. Maka, faktor asrama juga mempunyai kaitan dengan perbezaan min signifikan di antara ketiga-tiga sekolah ini dengan sekolah menengah kebangsaan biasa.

Selain dari itu, faktor aliran akademik juga mempengaruhi penggunaan surau sekolah dimana pelajar dari aliran vokasional, agama, teknik, sains tulen, dan sub-sains mempunyai min yang tinggi berbanding dengan pelajar dari aliran sastera. Perbezaan ini mungkin juga ada kaitan dengan pengalaman tinggal di asrama dimana kebanyakan pelajar-pelajar dari aliran vokasional, agama, teknik, sains tulen dan sub-sains datang dari sekolah asrama penuh, sekolah menengah kebangsaan agama dan juga sekolah menengah teknik yang mempunyai kemudahan asrama untuk pelajar-pelajar mereka. Kesemua pelajar dari aliran vokasional, agama dan teknik adalah pelajar-pelajar yang tinggal di asrama sekolah. Bagi dua aliran lain iaitu sains dan juga sub sains, terdapat pelajar dari kedua-dua aliran yang datang dari sekolah menengah kebangsaan harian dan tidak tinggal di asrama sekolah. Faktor ini turut memberikan kesan kepada min yang kurang tinggi berbanding dengan tiga aliran sebelum ini. Manakala, bagi pelajar aliran sastera, kebanyakan aliran ini datang dari sekolah menengah kebangsaan harian yang tidak mempunyai kemudahan asrama sekolah. Faktor lain turut menyumbang kepada keadaan ini adalah tahap akademik dimana pelajar yang datang dari aliran vokasioanl, agama, teknik, sains dan juga sub sains adalah mempunyai pencapaian akademik yang baik berbanding dengan pelajar dari aliran sastera. Pelajar-pelajar dari kelima-lima aliran ini adalah pelajar yang terpilih untuk memasuki jurusan ini. Keadaan ini berbeza dengan pelajar aliran sastera yang tidak terpilih untuk memasuki kelima-lima aliran di atas. Dengan perkataan lain, pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik mempunyai pandangan yang lebih positif terhadap Islam amnya dan penggunaan surau khususnya.

5.3.5 Penglibatan warga sekolah dalam aktiviti surau sekolah

Salah satu elemen penting dalam penggunaan surau sekolah ialah penglibatan warga sekolah. Dapatan kajian menunjukkan kepelbagaian persepsi pelajar terhadap penglibatan warga sekolah di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh surau sekolah mereka. Penglibatan pelajar dan amat baik di mana mereka mempunyai min tertinggi diikuti oleh min guru-guru pendidikan Islam. Penglibatan guru-guru lain juga adalah baik dan begitu juga dengan kakitangan pentadbiran sekolah.

Namun, pada persepsi pelajar, penglibatan keseluruhan pengetua sekolah di dalam aktiviti yang dijalankan agak rendah. Begitu juga dengan penglibatan kakitangan sekolah dan PIBG. Malahan ramai diantara pelajar yang menyatakan tiada penglibatan dari masyarakat setempat di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh surau sekolah mereka.

Guru-guru juga secara umumnya telah memberikan penilaian yang agak terperinci penglibatan warga sekolah. Penglibatan pelajar lelaki agak memuaskan dan berbeza dengan pelajar perempuan dimana majoriti guru amat berpuas hati dengan penglibatan mereka di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Penglibatan guru-guru lelaki dan perempuan juga umumnya adalah baik walaupun terdapat segelintir guru yang kurang terlibat secara aktif. Umumnya, pihak pentadbir sekolah memberikan kerjasama yang baik. Selain dari itu, guru-guru dari semua bidang juga telah menunjukkan kerjasama dan bantuan dalam menjayakan aktiviti-aktiviti surau yang dijalankan. Namun begitu, penglibatan kakitangan sokongan sekolah adalah kurang memuaskan kerana yang tidak pernah terlibat dengan aktiviti yang dijalankan.

5.3.6 Kekuatan dan kelemahan penggunaan surau sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Hasil dari dapatan kajian, pada keseluruhannya terdapat beberapa kekuatan dan kelemahan dalam penggunaan surau sekolah khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Berikut adalah kekuatan dan kelemahan yang telah dikenal pasti.

a) Kekuatan

i) Hampir kesemua sekolah mempunyai kemudahan asas yang mencukupi. Tahap kualiti kemudahan yang disediakan adalah memuaskan.

ii) Aspek pengurusan surau sekolah adalah baik dan di bawah tanggungjawab Panitia Pendidikan Islam. Surau sekolah sering dijadikan agenda di dalam mesyuarat panitia yang diadakan.

iii) Penggunaan surau sekolah di kalangan pada pelajar dari semua sekolah dan aliran secara keseluruhannya adalah amat memuaskan.

iv) Faktor asrama adalah faktor penting yang memberikan kesan kepada pelajar dalam penggunaan surau dan pandangan mereka terhadap fungsi surau sekolah. Pelajar yang tinggal di asrama mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap surau sekolah mereka.

v) Majoriti pelajar berpendapat aktiviti yang dijalankan di surau sekolah telah memberikan sumbangan yang positif terhadap pembangunan diri mereka khususnya dari aspek emosi, rohani dan intelektual

iv) Aktiviti yang dijalankan di surau sekolah terutama yang mempunyai kemudahan asrama tidak hanya tertumpu kepada aspek ibadah khususnya sahaja, tetapi meliputi

pelbagai aktiviti dalam bidang akademik, sahsiah pelajar, dan program-program motivasi dan ko-kurikulum lain

vii) Penglibatan dari pihak pelajar, guru-guru pendidikan Islam serta guru-guru dari bidang lain adalah amat baik. Mereka sering memberikan kerjasama dalam menjayakan aktiviti yang dirancang oleh pihak sekolah.

b) Kelemahan

i) Masih terdapat beberapa buah surau sekolah yang tidak mempunyai kemudahan asas yang sempurna dan ruang yang kurang selesa serta agak kecil.

ii) Pelajar yang tidak tinggal di asrama kurang menunaikan solat waktu secara berjamaah. Waktu solat zohor adalah waktu yang sering pelajar menunaikan solat berjamaah di surau sekolah mereka.

iii) Aktiviti yang berbentuk bukan ibadah khususnya masih kurang dan perlu dipertingkatkan lagi.

iv) Penglibatan dari PIBG, kakitangan sekolah dan juga pihak pengetua perlu dipertingkatkan lagi kerana berdasarkan penilaian pelajar, ketiga-tiga kumpulan ini didapati kurang terlibat di dalam aktiviti yang dijalankan di surau sekolah mereka.

v) Aktiviti-aktiviti yang berbentuk kemasyarakatan kurang dijalankan di surau-sarau sekolah.

vi) Persekitaran surau kurang menarik dan boleh dipertingkatkan bagi menjadikan surau sekolah menjadi lebih menarik dan mesra kepada pelajar-pelajar.

5.4 Rumusan

Berdasarkan perbincangan dan kajian yang dijalankan, dapatlah disimpulkan bahawa surau sekolah mempunyai peranan yang sangat penting khususnya di dalam proses pengajaran dan pengajaran Pendidikan Islam kerana ianya memantapkan dan mengukuhkan lagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di kalangan para pelajar. Surau-sarau sekolah adalah pusat aktiviti atau program keagamaan khususnya yang berkaitan dengan Pendidikan Islam. Selain itu, seharusnya ianya boleh menjadi pusat kegiatan persatuan pelajar-pelajar dan pusat hubungan masyarakat sekolah (guru-guru dan pelajar-pelajar) dan juga masyarakat setempat

Surau-sarau sekolah perlu menjadi pusat pendidikan dan penyampaian ilmu keagamaan bagi membentuk sahsiah pelajar Islam yang beriman, berilmu, berakhlak mulia dan sentiasa beramal salih. Kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah di surau membolehkan pelajar-pelajar menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang Islam di samping melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan di sekolah. Surau sekolah perlu dijadikan sebagai “Makmal Pendidikan Rohani” dalam semua aktiviti yang berasaskan kurikulum atau ko-kurikulum. Pelbagai aktiviti lain seperti majlis bacaan Yaasin, tadarus al-Quran, sambutan hari kebesaran Islam dan sebagainya sering dijalankan di surau sekolah pada sepanjang tahun. Surau sekolah perlu dijadikan sebagai tempat yang paling tenteram, harmoni dan sesuai bagi pendidikan dan penyampaian ilmu agama ke arah membentuk sahsiah yang beriman, berilmu dan berakhlak mulia.

Secara umumnya, berdasarkan kajian ini, matlamat untuk menjadikan surau sebagai, tempat ibadat sembahyang untuk murid-murid, guru-guru dan kakitangan sekolah yang beragama Islam; tempat mengadakan latihan amali mengenai ibadat seperti mengambil wuduk, sembahyang, mandi mayat, bersuci dan lain-lain ibadat fardu ain; tempat latihan membaca al-Quran, bertadarus dan khatam al-Quran; tempat syarahan, ceramah dan kuliah agama terutama selepas sembahyang Maghrib dan Subuh bagi sekolah-sekolah yang berasrama; tempat mengadakan majlis-majlis hari kebesaran Islam seperti majlis Maulid Nabi, Israk Mikraj dan lain-lain; tempat sembahyang Jumaat jika

diperlukan; adalah tercapai. Kebanyakan pelajar memberikan maklumbalas yang positif terhadap fungsi dan peranannya dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Namun, terdapat juga sejumlah pelajar yang tidak mempunyai persepsi yang sama dengan majoriti pelajar-pelajar. Pandangan berbeza yang diberikan oleh sebahagian pelajar-pelajar harus diberi perhatian dan tidak harus dikesampingkan sahaja.

Kajian ini juga menunjukkan faktor tinggal di asrama sekolah adalah amat signifikan dalam penggunaan surau sekolah di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Dapatan menunjukkan pelajar-pelajar yang tinggal di asrama mempunyai persepsi yang lebih baik berbanding dengan rakan-rakan mereka yang tidak tinggal di asrama sekolah. Penglibatan mereka di dalam aktiviti surau sekolah juga adalah lebih tinggi kerana mereka lebih berpeluang untuk mengikut program yang dirancang dan dapat menghadiri solat berjamaah lima waktu di surau sekolah. Mereka lebih terdedah dengan peluang untuk menggunakan surau sekolah dengan semaksimumnya.

Beberapa program yang diatur seperti program sembahyang berjamaah Zohor dan Asar, Program Khusus al-Quran dan Program Budaya Ilmu, Program amali solat dan aktiviti-aktiviti lain dapat dilaksanakan dengan baik di surau-sarau sekolah. Di samping itu, guru-guru Pendidikan Islam boleh melaksanakan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dengan lebih sempurna dengan kemudahan yang disediakan di surau-sarau sekolah. Guru-guru pendidikan Islam dapat mengadakan penilaian cara beristinjak, membersihkan diri, pakaian dan tempat dari najis, berwuduk, bertayammum, azan, iqamah, solat fardu dan solat jenazah di surau sekolah mereka.

Surau-sarau di sekolah di negeri Selangor dapat mengukuhkan aktiviti-aktiviti pengajaran pembelajaran dalam bentuk kurikulum, ko-kurikulum dan aktiviti kerohanian. Keberkesanan surau dalam pengajaran pembelajaran perlu memenuhi tiga peringkat asas dalam pengajaran pembelajaran iaitu pemahaman, penghayatan dan pengamalan cara hidup Islam dalam kehidupan seharian. Pengajaran pembelajaran yang dilaksanakan di surau sekolah harus menyentuh potensi kognitif, pembinaan sahsiah, kebolehan

berinteraksi dan bersosial, amalan tingkah laku yang baik dan kesediaan untuk mempraktikkan ilmu dalam kehidupan seharian.

Namun begitu, terdapat aspek-aspek yang perlu diberi perhatian dalam aspek penggunaan surau sekolah. Penglibatan dari pihak ibubapa, kakitangan sekolah dan pihak pengetua perlu dipertingkatkan lagi. Aktiviti surau walaupun telah memberi kesan yang positif kepada pelajar perlu dipertingkatkan lagi khususnya dari aspek kecergasan fizikal atau jasmani. Aktiviti-aktiviti juga perlu diperbanyakkan lagi terutama yang berbentuk bukan ibadah khususiah seperti kem motivasi, ceramah akademik, kaunseling dan kerjaya, kelas perbincangan, perbincangan kumpulan, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti kenduri, bacaan Yassin, kurban dan program gotong royong.

5.5 Cadangan

Kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti seharusnya diberi perhatian dan beberapa cadangan untuk mengatasinya dikemukakan oleh penyelidik seperti berikut.

i) Keperluan fizikal surau yang masih belum sempurna seharusnya perlu dipertingkatkan dengan segera terutama kemudahan tandas dan berwuduk. Surau-surau ini perlu juga dilengkapi dengan kemudahan terkini dalam pendidikan seperti televisyen, komputer, kemudahan internet, dan LCD bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Bagi meningkat kesesuaian pelajar-pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran, alat pendingin hawa perlu di pasang di semua surau sekolah.

ii) Aktiviti yang berbentuk bukan ibadah khususiah perlu dipertingkatkan terutama dalam aspek motivasi dan kerjaya pelajar. Ini termasuk juga program pembinaan sahsiah pelajar yang perlu diadakan dengan lebih kerap dan mempunyai kualiti yang tinggi.

iii) Penglibatan dari PIBG dan masyarakat setempat perlu dipertingkat dengan mengadakan aktiviti bersama seperti gotong royong, kenduri dan kurban. Sekolah boleh melantik beberapa orang wakil dari ibubapa, PIBG dan individu masyarakat setempat

sebagai ahli jawatankuasa surau sekolah. Mereka juga boleh dilibatkan dalam mencantikkan surau dan memberi sumbangan dalam membina landskap sekolah yang menarik. Pembinaan dapur di sekolah mungkin boleh menarik ibubapa untuk bergotong royong dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh surau sekolah.

iv) Penglibatan semua guru-guru Muslim boleh ditingkatkan melantik setiap guru Muslim sebagai ahli jawatankuasa aktiviti surau atau ahli jawatankuasa surau sekolah. Penglibatan surau tidak hanya berfokus kepada guru pendidikan Islam sahaja. Bagi meningkatkan tahap pengurusan surau sekolah, semua ahli jawatankuasa surau (pelajar dan guru) perlu diberi latihan pengurusan surau sekolah.

v) Kajian yang lebih menyeluruh dengan melibatkan jumlah sampel kajian yang lebih berbesar perlu dijalankan. Ini termasuk dengan mengambil responden kajian dari semua tahap pelajar, semua jenis sekolah di peringkat rendah dan menengah. Selain itu kajian ini juga boleh melibatkan guru-guru pendidikan Islam, guru-guru dari pelbagai bidang, pentadbir sekolah dan juga pegawai-pegawai pendidikan di jabatan-jabatan pendidikan negeri. Ini bertujuan untuk mendapat maklumat yang lebih mendalam tentang keberkesanan surau dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam.

vi) Penyelidikan yang lebih mendalam perlu dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor sebenar yang menyebabkan keadaan ini berlaku di mana masih wujud sejumlah pelajar yang padangan yang kurang positif terhadap surau sekolah mereka. Penyelidikan harus juga dijalankan untuk apakah program yang boleh menarik minat mereka kepada surau sekolah mereka.

RUJUKAN

- Abu Zahari Abu Bakar. 1984. *Perkembangan Pendidikan Di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Abdullah Jusoh. 1989. *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka
- Awang Had Salleh. 1980. *Pendidikan Ke Arah Perpaduan Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Babbie, E. 1986. *The Practice of Social Research*. California: Wadsworth Publishing Co.
- Bahagian Pendidikan Islam. 1988. *Aktiviti Ko-Kurikulum Pendidikan Islam dalam KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- , 1989. *Pengurusan dan Teknik Dakwah Islamiah Sekolah-sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Burns, Roberts B. 2000. *Introduction to Research Methods*. London: Sage Publication.
- Bryman, A dan Cramer D. 1999. *Quantitative Data Analysis with SPSS Release 8 for Windows*. London: Routledge.
- Hassan Langgulung. 1997. *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1988. *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- , 1994. *Panduan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lokman Ab. Rahman. 2000. *Imarah Masjid Masa Kini*. Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka
- Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad. 1996. *Penghantar Sains Pengurusan Masjid*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka.
- Mohd Yudof Din dan Azhana Abdul Mutalib. 1997. *Pemantapan Institusi Masjid*. Shah Alam: INMIND.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. 1998. *The Mosque as A Community Development Centre*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Rahman, Mawdudur. 1994. "A Holistic and Institutional Analysis of Islamic Education".
The American Journal of Islamic Social Sciences. Vol. 11, No. 4. ms. 519-531.

Pusat Perkembangan Kurikulum, 1991. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Zawawi Ahmad. 1996. *Sains Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

PEKELILING/SURAT RASMI

Bahagian Pendidikan Islam, KP. 5206 / 12 / 5 / (17), 2 Mac 1989.

Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Surat Pekeliling Ihktisas Bil. 14/1998.

Fungsi Surau dan Keberkesanannya Dalam Pengajaran Pembelajaran Pendidikan Islam:
Satu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Selangor

DAPATAN TEMUBUAL

Bahagian A : LATAR BELAKANG RESPONDEN

ITEM	FREKUENSI (Jumlah N = 14)	PERATUS (%)
Jawatan di Sekolah		
a) GPK	1	7 %
b) Ketua Panitia	6	43%
c) Guru Pendidikan Islam	7	50%
Bidang Pengajaran		
a) Pendidikan Islam / B.Arab	14	100%
Pengalaman Mengajar		
a) Kurang 3 tahun	5	36%
b) 3 tahun – 10 tahun	6	43%
c) Lebih 10 tahun	3	21%
Kelulusan Akademik		
a) Sarjana	1	7%
b) Sarjanamuda	12	86%
c) STPM / 4 Senawi	1	7%
Latihan Keguruan		
a) Sijil Perguruan Asas	2	14%
b) KPLI	7	50%
c) Diploma Pendidikan (IPT)	5	36%
Penglibatan dalam Surau Sekolah		
a) Pengerusi	1	7%
b) Setiausaha	2	14%
c) Bendahari	2	14%
d) Imam	1	7%
e) AJK	3	21%
f) Lain-lain	5	36%

Bahagian B : FUNGSI SURAU SEKOLAH

SOALAN 1

Pada pandangan anda, apakah sebenarnya peranan sesebuah surau sekolah ?

Rumusan Jawapan Responden:

a) Pembelajaran :

Mempunyai peranan yang besar terutama dari sudut amali seperti amali solat, kemahiran Quran dan Ujian PAFA , memudahkan untuk buat praktikal / tunjuk cara , tempat kuliah agama dan kelas bimbingan al-Quran.

b) Ko-Kurikulum :

Sebagai tempat untuk menyambut Hari Kebesaran Islam, tempat aktiviti persatuan BADAR dan Puteri Islam seperti usrah, tempat ibadah bagi aktiviti perkhemahan dalaman, tempat mengadakan pertandingan-pertandingan berorientasikan Islam.

c) Kerohanian / Ibadah :

Sebagai tempat ibadah bagi pelajar dan guru, tempat praktikal solat, qiyammulail, tadarus al-Quran, solat tarawikh, melatih ibadah solat dan solat jamaah, kuliah Maghrib, usrah dan sebagainya.

d) Sahsiah / Akhlak :

Melalui pelbagai aktiviti yang diadakan dengan menjaga adab-adab yang tertentu , melalui 'ikhtiqaf pelajar waktu antara Magrib dan Isyak, membentuk akhlak terpuji , tempat mengadakan tazkirah dan menerapkan nilai-nilai murni.

e) Disiplin :

Membentuk disiplin pelajar melalui peraturan penggunaan surau, melalui 'ikhtiqaf pelajar waktu antara Magrib dan Isyak, menjadikan pelajar berdisiplin, melatih pelajar beradab yang sesuai dalam surau

f) Lain-Lain :

Sebagai tempat kaunseling seperti melakukan Solat Taubat , Surau sebagai tempat Solat Jumaat, penyebaran bahan penerbitan dan mengadakan kutipan dana.

SOALAN 2 :

Adakah aspek pengurusan surau sekolah dimasukkan dalam agenda mesyuarat Panitia Pendidikan Islam atau mesyuarat sekolah?

Rumusan Jawapan Responden

a) Agenda tetap panitia

Tidak semua sekolah memasukkan aspek pengurusan surau sekolah sebagai agenda tetap mesyuarat panitia. Namun aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penggunaan surau akan dibincangkan dalam panitia apabila perlu.

b) Agenda tetap sekolah

Hampir semua sekolah tidak menjadikannya sebagai agenda tetap tetapi hanya akan dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan jika timbul isu-isu yang berkaitan.

c) Laporan

Sebahagian surau sekolah ada menyediakan laporan sama ada secara bertulis atau lisan kepada pengetua melalui pengerusi atau setiausaha surau. Terdapat juga laporan yang disediakan oleh guru-guru bertugas harian.

d) Hal-hal lain

Pengurusan surau sekolah kebanyakannya di bawah pengurusan Panitia Pendidikan Islam. Namun terdapat juga surau yang diuruskan oleh sebuah jawatankuasa khas surau terutamanya bagi surau yang turut digunakan oleh masyarakat setempat bagi solat Jumaat.

SOALAN 3 :

Bolehkah anda jelaskan apakah peranan yang dilaksanakan oleh surau sekolah anda?

Rumusan Jawapan Responden:

a) Pembelajaran :

Tempat aktiviti amali seperti amali solat, kemahiran Quran dan Ujian PAFA , memudahkan untuk buat praktikal / tunjuk cara , tempat kuliah agama dan kelas bimbingan al-Quran.

b) Ko-Kurikulum :

Sebagai tempat untuk menyambut Hari Kebesaran Islam, tempat aktiviti persatuan BADAR dan Puteri Islam seperti usrah, tempat ibadah bagi aktiviti perkhemahan dalaman, tempat mengadakan pertandingan-pertandingan berorientasikan Islam.

c) Kerohanian / Ibadah :

Sebagai tempat ibadah bagi pelajar dan guru, tempat praktikal solat, qiyammulail, tadarus al-Quran, solat tarawikh, melatih ibadah solat dan solat jamaah, kuliah Maghrib, usrah dan sebagainya.

d) Sahsiah / Akhlak :

Melalui pelbagai aktiviti yang diadakan dengan menjaga adab-adab yang tertentu , melalui ‘ikhtiqaf pelajar waktu antara Magrib dan Isyak, membentuk akhlak terpuji , tempat mengadakan tazkirah dan menerapkan nilai-nilai murni.

e) Disiplin :

Membentuk disiplin pelajar melalui peraturan penggunaan surau, melalui ‘ikhtiqaf pelajar waktu antara Magrib dan Isyak, menjadikan pelajar berdisiplin, melatih pelajar beradab yang sesuai dalam surau

f) Lain-Lain :

Sebagai tempat kaunseling seperti melakukan Solat Taubat , Surau sebagai tempat Solat Jumaat, penyebaran bahan penerbitan seperti “Minda Masjid” dan mengadakan kutipan dana.

SOALAN 4 :

Adakah anda berpuas hati dengan peranan surau di sekolah anda? Mengapa?

Rumusan Jawapan Responden:

a) Aktiviti

Sebahagian besar responden berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan kerana ia berjalan lancar. Namun terdapat juga responden yang kurang berpuas hati kerana menganggap masih banyak lagi aktiviti yang boleh dijalankan.

b) Pengurusan

Sebahagian besar responden turut berpuas hati dengan pengurusan surau sekolah mereka kerana pihak j/kuasa telah menjalankan tugas mereka dengan baik dan tidak banyak menimbulkan masalah. Bagi yang kurang berpuas hati, mereka membangkitkan masalah kekurangan tenaga kerja, masa dan peruntukan kewangan.

c) Penglibatan

Sebahagian responden berpuas hati dengan tahap penglibatan pelajar, guru dan pihak pentadbir. Sebahagian yang lain masih kurang berpuas hati terutama penglibatan pihak guru dan pentadbir dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

d) Fizikal

Sebahagian responden berpuas hati dengan keadaan fizikal surau sekolah mereka, sebahagian yang lain kurang berpuas hati dan perlu dipertingkatkan. Terdapat juga responden yang merasakan tahap fizikal surau sekolah mereka adalah sederhana.

e) Landskap

Sebahagian besar responden merasakan landskap surau sekolah mereka masih boleh dipertingkatkan lagi supaya lebih menarik.

SOALAN 5

Apakah bentuk aktiviti-aktiviti yang sering dilaksanakan di surau sekolah?

Rumusan Jawapan Responden

a) Pembelajaran

Kelas al-Quran, latihan amali wudu', solat, praktikal jenazah dan PAFA.

b) Ko-Kurikulum

Pertandingan azan, aktiviti Persatuan Agama Islam atau Puteri Islam dan latihan-latihan bagi pelbagai pertandingan.

c) Kerohanian / Ibadah

Solat Zuhur dan Asar, Solat berjamaah, Solat Hajat, Solat Tarawikh, Solat Gerhana, halaqah al-Quran, bacaan Yaasiin, qiyamulail

d) Sahsiah / Akhlak

Usrah, tazkirah, kursus kepimpinan dan gotong-royong

e) Lain-lain

Latihan ketrampilan diri melalui pertandingan seperti syarahan, Solat Hari Raya

SOALAN 6

Bagaimana dengan penglibatan pelajar dan guru dalam aktiviti yang dijalankan.

Rumusan Jawapan Responden:

a) Pelajar lelaki

Sebahagian besar responden berpuas hati namun masih boleh diperbaiki

b) Pelajar perempuan

Baik dan tidak ada masalah

c) Guru lelaki

Pada keseluruhannya baik namun bergantung kepada keadaan dan bagi warden tidak ada masalah.

d) Guru perempuan

Sebahagiannya penglibatan mereka memuaskan dan sebahagian yang lain agak kurang

e) Pentadbir

Baik malah terdapat pentadbir yang amat perihatin, namun terdapat juga segelintir yang kurang melibatkan diri.

f) Guru Agama Islam

Memuaskan dan sebahagian besar memberikan kerjasama yang baik

g) Guru bidang lain

Pada keseluruhannya baik

h) Kakitangan sokongan

Penglibatan mereka adalah sederhana

SOALAN 7

Adakah anda berpuas hati dengan keperluan fizikal dan tahap kebersihan surau sekolah?

Rumusan Jawapan Responden:

a) Keperluan fizikal

Sebahagian besar responden masih kurang berpuas hati terutama dari segi saiz yang perlu lebih besar disamping peralatan yang masih kurang dan rosak.

b) Kebersihan

Sebahagian besar responden berpuas hati dengan tahap kebersihan surau kerana ada pekerja, jawatankuasa dan pelajar yang membersihkannya.

SOALAN 8

Bagaimana surau boleh memberikan sumbangan dalam aspek pembangunan sahsiah pelajar?

Rumusan Jawapan Responden:

a) Disiplin

Surau boleh membantu mengatasi masalah disiplin dengan sesi kaunseling yang dijalankan dalam surau, latihan menepati masa dalam solat, mengikut ketua dalam solat berjamaah,. Warden asrama juga selalu menggunakan surau untuk menyampaikan arahan atau peraturan yang tertentu.

b) Akhlak

Mematuhi adab-adab berada dalam surau, melalui tazkirah dan pengisian ilmu yang dijalankan, solat dan sebagainya.

c) Kepimpinan

Melalui latihan menjadi imam solat dan bilal, membaca hadis sebagai tazkirah kepada rakan-rakan, bertanggungjawab melalui tugas-tugas yang diamanahkan dalam j/kuasa, membentuk keyakinan diri, latihan pidato dan lain-lain

d) Keterampilan diri

Mampu berdikari dengan boleh menunaikan solat tanpa arahan guru, memberi peluang kepada pelajar menentuai biro-biro tertentu dalam surau, khemah ibadah dan sebagainya.

SOALAN 9

Secara keseluruhan, sejauhmana surau sekolah telah memberi sumbangan yang positif dalam pengajaran pembelajaran Pendidikan Islam.

Rumusan Jawapan Responden:

a) Amal Ibadah

Pada keseluruhannya responden bersetuju surau sekolah telah memberi sumbangan yang positif dalam P&P Pendidikan Islam seperti pelaksanaan solat lima waktu dan amali ibadah yang lain.

b) Sahsiah/Akhlak

Surau sekolah juga telah membantu proses pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pelbagai aktiviti dalam dan luar bilik darjah yang dijalankan di surau seperti usrah, tazkirah, kuliah maghrib dan sebagainya.

c) Pendidikan al-Quran

Pendidikan al-Quran juga semakin baik dengan bantuan surau yang menyediakan tempat dan suasana membaca al-Quran yang lebih tenang dan sesuai.

d) Sikap

Sikap sebahagian pelajar juga telah berubah lebih positif apabila aktiviti yang dijalankan di surau tersebut mencapai objektifnya secara berkesan seperti sikap bertanggungjawab dan berdisiplin.

e) Penghayatan

Penghayatan pelajar juga meningkat apabila pengajaran pembelajaran Pendidikan Islam dijalankan di surau.

SOALAN 10

Apakah cadangan-cadangan anda untuk meningkatkan lagi peranan surau sekolah?

Rumusan Jawapan Responden

a) Aktiviti

Semua aktiviti perlu dipertingkatkan dari segi kuantiti, kekerapan, kualiti dan keberkesanannya

b) Keperluan fizikal

Semua keperluan fizikal dipertingkatkan supaya sesuai dengan keperluan bilangan pelajar, keperluan pengajaran pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan semasa seperti kemudahan elektronik dan teknologi maklumat dan komunikasi.

c) Penglibatan

Penglibatan semua pihak sama ada pelajar, guru, pentadbir, ibubapa dan PIBG perlu ditingkatkan dari segi kehadiran, sokongan, kerjasama dan sebagainya untuk melonjakkan peranan surau sekolah dalam proses pendidikan yang menyeluruh.

d) Sahsiah, Pemahaman, Penghayatan dan Amalan

Dicadangkan supaya aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan secara berkesan dengan mendapat kerjasama semua pihak. Pihak luar seperti Jabatan Agama, Polis dan lain-lain juga boleh dilibatkan dalam aktiviti surau. Prasarana, kemudahan dan hiasan surau juga perlu dipertingkatkan supaya lebih menarik dan dapat meningkatkan minat pelajar.

JUMLAH RESPONDEN KAJIAN

NAMA SEKOLAH	REKOD PELAJAR
SMK SULTAN ABDUL SAMAD PETALING JAYA	1-26
SMK KG SOEHARTO, HULU SELANGOR	30-70
SMT SELANGOR SUNGAI BULOH	71-101 + 27,28,29
SMK GEDANGSA, HULU SELANGOR	102-126
SMK DENGKIL, SEPANG	127-155
SMT KAJANG, KAJANG	156-186
SMS KUALA SELANGOR	187-215
SMK DATO' HARUN TG. KARANG	216-245
SMKA SIMPANG LIMA	246-276
SMT KUALA SELANGOR	277-305
SMAP KAJANG	306-336
SMKA KAJANG	337-363
SMK KHIR JOHARI BERANANG	364-394
SMKA KUALA SELANGOR	395-424
SMK BAGAN TERAP	425-454
SMK TAMAN DATO' HARUN PETALING JAYA	455-489
SMK BANTING	490-523